



جاتان كمال جوان اسلام ماليزيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Soal Jawab Isu

Syiah di Malaysia

Mohd Aizam Mas'od

Soal Jawab Isu

Syiah di Malaysia

Soal Jawab Isu

Syiah di Malaysia

Mohd Aizam Mas'od



Cetakan Pertama 2013
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Mohd. Aizam Mas'od, 1976-
SOAL JAWAB ISU SYIAH DI MALAYSIA /
MOHD AIZAM BIN MAS'OD.
ISBN 978-983-042-529-0 (paperback)
1. Shi'ah. 2. Islamic sects.
3. Shi'ah-Doctrines. I. Judul.
297.82

Diterbitkan oleh:
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok D7 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.
Tel: 03-8886 4000 Faks: 03-8889 2039
Laman web: www.islam.gov.my

Diatur huruf dan dicetak di Malaysia oleh
REKA CETAK SDN. BHD.
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
www.rekacetak.com

Kandungan

- Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Jakim ... 9
- Muqaddimah Pengarang ... 13
- Apakah erti perkataan Syiah? ... 17
- Siapakah yang dimaksudkan dengan Syiah? ... 17
- Apakah pecahan-pecahan golongan Syiah? ... 18
- Bagaimana sejarah kemunculan Syiah? ... 19
- Siapakah tokoh utama yang bertanggungjawab mengasaskan Syiah? ... 23
- Siapakah kumpulan Syiah yang menjadi majoriti di dunia Islam? ... 25
- Adakah Syiah Imam 12 termasuk dalam golongan yang digelar oleh para ulama sebagai Syiah Rafidhah? ... 26
- Adakah dua belas orang tokoh itu mempunyai kaitan dengan Syiah? ... 27
- Siapakah Imam Mahdi yang tunggu-tunggu oleh Syiah? ... 30
- Berapakah jumlah penganut Syiah di dunia jika dibandingkan dengan penganut Ahli Sunnah Wal-Jamaah? ... 32
- Benarkah Islam yang mula-mula sampai ke Alam Melayu membawa aliran Syiah? ... 33
- Bilakah Syiah mula-mula tersebar di Malaysia? ... 35

Apakah aqidah pegangan penganut Syiah Melayu
di Malaysia? ... 37

Apakah perbezaan yang paling mendasar antara
Sunni dan Syiah? ... 46

Benarkah golongan Syiah mengkafirkan Ahli Sunnah? ... 48

Mengapakah Syiah masih membaca al-Qur'an yang sama
dengan Ahli Sunnah sedangkan mereka menuduh
bahawa al-Qur'an itu telah diselewengkan
daripada yang asli? ... 50

Benarkah Syiah merupakan pendukung Ahlul Bait
(ahli keluarga Nabi SAW)? ... 52

Benarkah Ahli Sunnah pembunuhan Sayyidina Husain r.a
di Karbala? ... 53

Mengapa Syiah menyambut Hari Nairuz yang digagaskan
oleh agama Majusi? ... 55

Apakah ciri-ciri mudah untuk mengenal seorang
penganut Syiah? ... 56

Apakah agenda Syiah di sebalik penyebaran risalah
al-Quds yang mengajak perpaduan Sunni-Syiah
dalam mempertahankan Palestin? ... 59

Adakah Syiah mengiktiraf kewujudan Masjid al-Aqsa di
Palestin itu sebagai tempat suci Islam yang ketiga? ... 61

Di manakah bumi atau tempat yang paling suci
menurut Syiah? ... 62

Adakah penganut Syiah Imam 12 itu kafir murtad? ... 64

Benarkah wujudnya Syiah yang paling hampir dengan Ahli
Sunnah Wal-Jamaah? ... 64

Apa kaitan Khomeini dan Khomeinisme dengan Syiah? ... 66
Benarkah Risalah Amman 2005 (Amman Message 2005) membawa maksud bahawa Syiah harus untuk diamal dan disebarluaskan? ... 68
Benarkah Syeikh Mahmud Syaltut mengharuskan beribadah dengan mazhab Syiah? ... 71
Apakah pendirian Universiti al-Azhar dan para masyayikh al-Azhar terhadap Syiah? ... 73
Mungkinkah berlaku taqrib iaitu penyatuan antara Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Syiah? ... 76
Bagaimana pendirian para ulama Asha'irah-Maturidiyyah terhadap Syiah? ... 80
Apakah pendirian para ulama Indonesia terhadap Syiah? ... 86
Apakah pendirian kerajaan Malaysia terhadap Syiah? ... 87
Apakah peruntukan undang-undang yang boleh diambil ke atas Syiah berdasarkan kuasa negeri? ... 89
Apakah peruntukan undang-undang yang boleh diambil ke atas Syiah berdasarkan kuasa kerajaan pusat? ... 90
Benarkah kenyataan bahawa Syiah boleh diamal tetapi tidak boleh disebarluaskan di Malaysia seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak? ... 91
Apa yang perlu dilakukan jika mempunyai maklumat tentang pengikut Syiah? ... 93
BIBLIOGRAFI ... 95
RUJUKAN SYIAH ... 99

Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah Jakim

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berjaya menerbitkan risalah “Soal Jawab Syiah di Malaysia”. Tujuan risalah ini diterbitkan bagi memudahkan orang awam memahami fahaman Syiah yang sedang menular di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Fahaman syiah ini adalah fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang pada dasarnya Malaysia adalah Negara Islam berasaskan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai Syiah pada tahun 1996 telah menetapkan bahawa: Pertama, umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak. Kedua, memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut: “Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertiinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak”.

Penetapan dasar ini sesuai dengan konsep *maqasid syariah* yang meletakkan objektif pertama adalah memelihara agama. Dalam konteks sebuah negara, sememangnya tanggungjawab memelihara keluhuran dan kesucian agama terletak di bahu pemerintah. Justeru, sebagai pengikut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, kita haruslah memahami bahawa penetapan Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai mazhab rasmi negara adalah bertujuan untuk memastikan kesucian aqidah dan syariah Islam dapat dipertahan, dibela dan dipelihara. Ia tidak sekali-kali bertujuan untuk menindas pihak-pihak lain.

Bagi sebuah negara Islam, undang-undang perlu ditegakkan bagi menjaga *maslahah ‘ammah*. Apatah lagi jika ia membabitkan ancaman aqidah dan pemikiran. Fahaman ini perlu disekat dengan segera. Berhujah dan berdialog memang wajar dilakukan, demi menjaga akidah umat Islam daripada diselewengkan oleh fahaman-fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Pada zaman ini pula, menjadi kelaziman bagi institusi agama berautoriti mengeluarkan fatwa tertentu atau mengambil tindakan perundungan terhadap ajaran dan amalan yang boleh mencabuli kesucian aqidah dan syariah Islam. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ustaz Mohd Aizam bin Mas’od dari Bahagian Perancangan dan

Penyelidikan Jakim yang telah berjaya mengarang buku kecil ini dengan tujuan untuk menjawab persoalan-persoalan yang sering dibangkitkan oleh masyarakat mengenai ajaran Syiah.

Semoga dengan kemunculan buku kecil ini, ia dapat memberikan sedikit pencerahan kepada masyarakat berkenaan bahaya Syiah di Malaysia serta doktrin-doktrin menyeleweng yang menjadi anutan mereka.

Sekian, wassalam.

DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Muqaddimah Pengarang

Syiah adalah fahaman yang dibawa masuk ke Nusantara sekitar tahun 1979, iaitu selepas kejatuhan kerajaan Syah Iran melalui revolusi Islam yang dilancarkan oleh al-Khomeini. Semenjak itu, fahaman ini dilihat semakin berkembang di sekitar negeri-negeri di Malaysia. Fahaman ini secara jelas bercanggah dengan aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang diamalkan di Malaysia.

Sehubungan itu, setelah penyelidikan yang mendalam dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa ajaran Syiah, sama ada Syiah Imamiyyah atau Syiah Zaidiyyah adalah dilarang, sebaliknya umat Islam di Malaysia hendaklah hanya berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sama ada dari segi aqidah, syariah maupun akhlak.

Namun begitu, setelah lebih sedekad ajaran ini diharamkan oleh pihak berkuasa agama, ajaran Syiah didapati terus berkembang sehingga menimbulkan keimbangan ia boleh mengundang perpecahan dan permusuhan dalam kalangan

umat Islam. Lebih-lebih lagi antara kaedah yang digunakan untuk menyebarluaskan fahaman ini ialah dengan mengedarkan buku-buku Syiah berbahasa Melayu kepada masyarakat awam. Malah, tinjauan mendapati buku-buku tersebut bukan lagi buku-buku yang diterjemah daripada bahasa Arab, Parsi atau Indonesia, tetapi ia adalah buku-buku yang ditulis sendiri dalam bahasa Melayu oleh warganegara Malaysia berbangsa Melayu dan berfahaman Syiah.

Ini bermakna dakyah Syiah bukan lagi dijalankan oleh warganegara asing seperti yang pernah berlaku ketika awal kemasukan Syiah di negara ini. Namun, setelah lebih sedekad, ajaran Syiah kini disebarluaskan oleh warganegara Malaysia berbangsa Melayu. Ia adalah hasil daripada beberapa anak Melayu yang telah dihantar melanjutkan pengajian ke Iran akibat daripada ibu bapa mereka yang terpengaruh dengan Syiah pada awal tahun 1980-an. Hasilnya, kita dapatiti sudah ada anak-anak Melayu yang menjadi ustaz-ustaz Syiah dan bertindak sebagai rujukan penganut Syiah Melayu di Malaysia.

Penulis sendiri, secara peribadi telah terlibat dengan dialog bersama penganut Syiah Melayu di Perak, Melaka, Johor dan Selangor. Berdasarkan beberapa siri dialog tersebut, dapat disimpulkan bahawa pihak Syiah amat optimis untuk meletakkan Syiah sebagai sebaris dengan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Mereka menuntut supaya Syiah dibenar untuk

diamalkan bahkan menjalankan aktiviti atas dasar kebebasan hak asasi manusia. Mereka cuba menggambarkan Syiah sebagai salah satu mazhab yang diiktiraf dan tidak mempunyai sebarang kontradiksi dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Hakikatnya, ini hanyalah merupakan salah satu kaedah untuk mereka menyebarkan lagi dakyah Syiah tanpa disedari oleh penganut Sunni. Slogan perpaduan Sunni-Syiah atas hujah Tuhan yang sama, kiblat yang sama dan nabi yang sama sering dicanangkan demi mendapatkan simpati dan perhatian daripada pihak Sunni. Walhal, semua itu sekadar untuk mengelabui mata penganut Ahli Sunnah Wal-Jamaah agar Syiah dapat diterima dengan mudah di tengah-tengah majoriti masyarakat Sunni di negara ini.

Justeru, buku ini digarap dengan tujuan untuk menjelaskan kepada masyarakat Islam bahawa Syiah bukan sebuah mazhab, sebaliknya ia merupakan sebuah kumpulan ajaran sesat yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Sehubungan itu, bagi memudahkan masyarakat memahami kandungan buku kecil ini, ia dikarang dalam bentuk soalan dan jawapan. Soalan-soalan tersebut adalah berdasarkan persoalan-persoalan yang sering ditanya oleh orang awam berkenaan Syiah, sama ada ketika penulis menyampaikan ceramah, taklimat atau forum, bahkan ketika berdialog dengan penganut Syiah sendiri.

Jawapan-jawapan yang diberikan pula adalah berdasarkan pendirian rasmi kerajaan, pandangan para ulama muktabar dan fatwa institusi Islam yang diiktiraf. Sementara itu, fakta-fakta berkenaan Syiah dirujuk terus kepada sumber rujukan mereka. Ini bagi memastikan segala maklumat yang disampaikan boleh dipertanggungjawabkan secara akademik dan bukan berbentuk dakwaan semata-mata.

Semoga dengan kehadiran buku kecil ini dapat membantu ahli masyarakat dalam mengenali Syiah dengan lebih dekat. Dengan pengetahuan tersebut, diharapkan agar ia dapat menjadi benteng kepada diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat sekeliling daripada terjebak dengan ajaran sesat Syiah. Akhir kata, semoga buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua dan menjadi saksi di akhirat kelak bahawa penulis telah menyampaikan tanggungjawabnya sebagai pemikul amanah ilmu dan agama. Sekian. Wallahu a'lam.

Mohd Aizam Mas'od

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Apakah erti perkataan Syiah?

Perkataan Syiah dari sudut bahasa bermaksud satu kumpulan atau kelompok manusia (*firqah wa jama'ah*). Perkataan Syiah apabila disandarkan kepada seseorang, ia akan membawa maksud pengikut dan pembantunya (*atba'uh wa ansaru*). (Ibn Manzur t.t: 33/188-189; Ibrahim Mustafa t.t: 1/503) Sebagai contoh; “Syiah Ali” bermaksud “pengikut dan penyokong Ali”. Ia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Maryam ayat 69 yang bermaksud: “*Sesudah itu, sesungguhnya Kami akan cabut dari tiap-tiap golongan, mana-mana orang yang sangat derhaka kepada (Allah) al-Rahman, di antara mereka*”.

Siapakah yang dimaksudkan dengan Syiah?

Secara umum Syiah merujuk kepada sesiapa yang mengutamakan Sayyidina Ali di atas tiga orang khalifah yang sebelumnya, iaitu Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan Sayyidina Uthman. Mereka juga mengatakan bahawa Ahlul Bait lebih layak untuk memegang jawatan khalifah dan kekhilafahan selain mereka adalah terbatal. (Ghalib ‘Awaji 2001: 308)

Menurut al-Shahrastani, Syiah ialah sebuah kumpulan yang pada permulaannya menuntut hak Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a. sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW. Mereka berpandangan Ali sebagai penerima wasiat dan imam dengan berhujahkan bahawa *imamah*(keimaman) bukanlah semata-

mata permasalahan kepentingan yang berhubungkait dengan maslahah umum, tetapi ia adalah masalah *usul ‘aqidah*, ia merupakan rukun agama yang tidak harus sama sekali diabai atau dilupakan oleh Rasulullah SAW, dan tidak munasabah Rasulullah SAW menyerahkan urusan tersebut kepada budi bicara masyarakat umum. Dari sini kumpulan Syiah sepakat bahawa *tansis*(penyataan nas) dan *ta‘yin*(penetapan khusus) adalah wajib, *‘ismah*(kemaksuman) bagi para nabi dan para imam adalah wajib serta *wala’*(ketaatan) dan *barra’*(berlepas diri dari yang lain) terhadap para imam adalah wajib melainkan dalam keadaan *taqiyyah* (berpura-pura). (Al-Shahrastani 1404H: 1/146)

Apakah pecahan-pecahan golongan Syiah?

Kumpulan Syiah terpecah kepada lima kumpulan besar, iaitu Syiah Ghulah (Pelampau), Syiah Zaidiyyah, Syiah Kaisaniyyah, Syiah Imamiyyah dan Syiah Isma’iliyyah. Syiah Ghulah terpecah pula kepada 24 kumpulan; Syiah Kaisaniyyah terpecah pula kepada enam kumpulan; Syiah Zaidiyyah pula terpecah kepada sembilan kumpulan manakala Syiah Imamiyyah terpecah kepada 39 kumpulan dan Syiah Isma’iliyyah terpecah kepada lapan kumpulan. Antara pecahan Syiah yang banyak tersebut, majoriti pengikut Syiah di dunia pada hari ini berpegang kepada fahaman Syiah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah (Imam 12), iaitu salah satu pecahan daripada ajaran Syiah Imamiyyah. (Nasir al-Din al-Hindi 2008: 59)

Bagaimakah sejarah kemunculan Syiah?

Kemunculan Syiah mempunyai kaitan rapat dengan suasana ketidakstabilan politik yang sedang berlaku dalam kalangan umat Islam pada ketika itu. Suasana politik yang tidak tenteram ini adalah berpuncak daripada fitnah-fitnah yang berlaku pada zaman tersebut. Fitnah-fitnah ini bukan sahaja berakhir dengan melahirkan kumpulan Syiah, malah ia juga melahirkan kumpulan-kumpulan yang lain, iaitu Khawarij, Murji'ah dan Mu'tazilah pada satu pihak. Manakala di pihak yang lain adalah kumpulan Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang sentiasa bertindak sebagai golongan yang berpegang teguh kepada warisan peninggalan Rasulullah SAW, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Dua kontroversi utama yang menjadi fitnah sehingga melahirkan kumpulan-kumpulan tersebut termasuk Syiah, iaitu Perang *Jamal* (36H) dan Perang *Siffin* (37H).

Daripada catatan sejarah menunjukkan bahawa Ali bin Abi Talib r.a. dilantik menjadi khalifah pada tahun 35H oleh kaum Muslimin selepas khalifah Uthman bin Affan r.a. dibunuh dengan kejam oleh para pemberontak, khususnya yang datang dari wilayah Mesir, Kufah dan Basrah. Pelantikan Ali bin Abi Talib r.a. dalam suasana yang begitu kritikal tidak mendapat restu daripada keseluruhan umat Islam, kerana terdapat beberapa golongan yang tidak menyerahkan *bay'ah* atau taat setia kepadanya. (Al-Tabari 1969: 4/430-431; al-Shaybani 1415h: 3/83; Ibn al-Jawzi 1358h: 5/65)

Hal ini berlaku kerana Ali bin Abi Talib turut dikaitkan dengan pembunuhan khalifah Uthman, atau sekurang-kurangnya beliau dianggap melindungi orang-orang yang terlibat dengan pembunuhan itu. Berasaskan alasan ini, para penentang Ali bin Abi Talib daripada kumpulan Mu'awiyah di Sham menolak *bay'ah* ketaatan kepada Ali bin Abi Talib r.a. (Ibn al-'Arabi 1407h: 1/166)

Di sinilah, bermula tragedi Perang *Jamal* antara kumpulan khalifah Ali r.a. dengan kumpulan pimpinan Umm al-Mu'minin, Aishah r.a. yang dibantu oleh sahabat-sahabat besar seperti Talhah bin Ubaidullah r.a. dan al-Zubayr bin al-Awwam r.a..

Berasaskan sumber-sumber sejarah seperti *Tarikh al-Tabari*, *al-Kamil fi al-Tarikh* dan *al-Fitnah wa Waq'ah al-Jamal*, adalah jelas bahawa kedua-dua pihak, iaitu Khalifah Ali r.a. dan Umm al-Mu'minin Aishah mahu mengelakkan berlakunya perperangan, namun terdapat pihak ketiga yang menginginkan tercetusnya perang, iaitu kumpulan Saba'iyyah yang pernah terlibat secara langsung dalam kes pembunuhan Khalifah 'Uthman r.a. yang lalu.

Sekiranya berlaku perdamaian antara pihak Ali dan Aishah r.a., di Basrah, maka mereka akan sama-sama bersatu dan bersepakat untuk mengesan semua pembunuh dan orang-orang

yang terlibat dengan pembunuhan ketua negara itu, seterusnya dihukum. Apabila ini terjadi, maka golongan Saba'iyyah akan menerima padahnya. (Al-Asadi 1391H: 1/149; al-Shaybani 1415H: 3/125)

Tidak lama selepas keadaan di Basrah pulih seperti sediakala setelah tamat Perang *Jamal*, Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. melantik gabenor baru Abdullah bin Abbas r.a. mentadbir Basrah. Kemudian beliau memilih bandar Kufah menjadi ibu negara Islam yang baru dan pusat pemerintahannya. (Ibrahim Sha'wat & Mahmud Ziyadah 1984: 393). Seperti dimaklumi, konflik antara Saiyyidina Ali r.a. dan Mu'awiyah bin Abi Sufyan, bekas gabenor Sham menjadi bertambah tegang setelah Mu'awiyah dan pengikut-pengikut setia yang terdiri daripada penduduk Sham enggan menyatakan kesetiaan atau *bay'ah* mereka kepada Khalifah Ali r.a. yang baru dilantik. (Hasan Ibrahim Hasan 1964: 1/368)

Perselisihan ini akhirnya menyebabkan berlaku pertempuran antara kekuatan Saiyyidina Ali r.a. sebagai khalifah yang sah dengan kekuatan Sham pimpinan Mu'awiyah bin Abi Sufyan. Pertempuran ini berlaku pada bulan Safar tahun 37H di sekitar lembah *Siffin*. Ada juga pendapat yang menyebut pertempuran bermula pada bulan Zulhijah tahun 36H dan berakhir pada bulan Muharam 37 H. (Al-Dhahabi 1413H: 1/426)

Peristiwa Perang *Siffin* ini jugalah menjadi punca kepada kelahiran kumpulan Syiah. Walaupun terdapat pelbagai pendapat tentang sejarah awal kemunculan Syiah, pendapat yang mengatakan ia muncul selepas Perang *Siffin* adalah paling tepat. Menurut Ihsan Ilahi Zahir, pandangan ini dipegang oleh Ibn Hazm dan Ahmad Amin serta beberapa penulis Syiah seperti al-Khawansari di dalam kitabnya ‘*Rawdat al-Jannat*’. (Ihsan Ilahi Zahir 1984: 13; Ibn Hazm t.t: 4/79; Ahmad Amin 1969: 266) ‘Awwaji berpendapat, pandangan ini lebih tepat memandangkan selepas Perang *Siffin*, kumpulan Khawarij telah keluar daripada mentaati Sayyidina Ali dan membina gerakan mereka sendiri di Nahrawan.

Oleh itu, sebagai tindak balas kepada kumpulan Khawarij, penyokong kepada Sayyidina Ali semakin berkembang dari semasa ke semasa sehingga membentuk satu fahaman politik. Bermula dari sini, Syiah berpindah menjadi sebuah kumpulan yang melampau dan fanatik terhadap Sayyidina Ali sehingga ke peringkat mencela, mengkafirkan, malah berlepas diri daripada para sahabat r.a.h. kecuali beberapa orang seperti Salman al-Farisi, Abu Zar, al-Miqdad, ‘Ammar bin Yasir dan Huzayfah r.a.h. (‘Awaji 2001: 1/311-312)

Walau bagaimanapun, menurut Kamil Mustafa al-Shibi, Syiah pada zaman selepas pembunuhan Sayyidina Husain r.a telah membentuk satu karakter khas seperti yang wujud pada hari ini. (‘Awaji 2001 : 1/311)

Siapakah tokoh utama yang bertanggungjawab mengasaskan Syiah?

Dalam kitab *al-Milal wa al-Nihal*, al-Shahrastani menyebut bahawa Abdullah bin Saba' adalah orang yang bertanggungjawab mengasaskan kumpulan Syiah yang pertama bergelar Saba'iyyah. Dia pernah berkata kepada Ali r.a., "Kamu ialah kamu", maksudnya kamu Tuhan. Lalu dia telah dihalau ke Mada'in. Dikatakan dia adalah seorang Yahudi yang telah memeluk Islam. Ketika masih Yahudi, dia pernah mendakwa bahawa Yusha' bin Nun adalah wasi bagi Nabi Musa a.s., sama seperti yang dikatakan terhadap Ali r.a.. Dialah yang pertama mengeluarkan pendapat wajib pimpinan bagi Ali r.a., dan dari sinilah muncul berbagai-bagi jenis pelampau Syiah (*ghulah*). Mereka mendakwa Ali r.a. tidak mati, padanya terdapat sebahagian zat ketuhanan. Dialah yang wujud di sebalik awan, guruh itu suaranya dan petir itu pukulannya. Kemudiannya akan turun ke bumi, lalu memerintahnya dengan penuh keadilan, sebagaimana bumi itu dipenuhi kejahatan. (Al-Shahrastani 1404h: 1/174)

Dalam *Fajr al-Islam*, Ahmad Amin menyatakan bahawa Ibn Saba' ini adalah gelaran yang diberikan kepada Abdullah bin Saba'. Dia berasal dari kota San'a'. Dia mengisyiharkan dirinya memeluk Islam pada zaman pemerintahan Uthman r.a.. Dia gigih berusaha untuk merosakkan agama Islam. Menurut Rafiq al-'Azm, daripada pendedahan yang lain, menunjukkan gerakan anti-Islam dan khalifah bergerak cergas mulai pada

zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a.. Rata-rata gerakan itu diwakili oleh kumpulan Saba'iyyah yang bertebaran ke bandar-bandar di luar kota Madinah seperti Mesir, Basrah, Kufah dan lain-lain dengan menggunakan kaedah gerakan rahsia atau bawah tanah. Menurut Dr. Fathi 'Uthman, antara orang-orang Saba'iyyah itu termasuklah, Kinanah bin Bishr, Sawdan bin Hamran, 'Abd Allah bin Budayl, Hukaym bin Jabalah, Malik bin al-Harith, Sa'sa'ah, Zayd bin Sawhan dan Ibn al-Kawa. (Ahmad Amin 1969: 110; Rafiq al-'Azm 1968: 721; Muhammad Fathi 'Uthman 1969: 265-266)

Kewujudan Ibn Saba' juga disebut dan diperakui oleh para ulama Syiah sendiri. Antaranya apa yang disebut oleh al-Nawbakhti bahawa golongan Saba'iyyah mengatakan Ali r.a. berhak menjadi Imam selepas Nabi SAW dan ia merupakan satu kewajipan daripada Allah SWT. Mereka itu merupakan puak Abdullah bin Saba'. Dialah antara orang yang memfitnah dan memburukkan nama Abu Bakar, Umar, Uthman dan para sahabat. Dia berlepas diri daripada mereka dan berkata: "*Sesungguhnya Ali yang menyuruhnya berbuat begitu*". Maka Ali menangkap dan bertanyakan tentang kata-katanya. Dia mengakui perkara tersebut lalu Ali mengarahkan supaya dia dibunuh, maka orang ramai berteriak: "*Wahai Amirul Mukminin! Adakah kamu mahu membunuh orang yang menyeru kepada mencintaimu, Ahlul Bait, penguasaanmu dan berlepas diri daripada musuh-musuhmu?*" Maka beliau membuang Ibn Saba' ke luar negeri. (Al-Nawbakhti 1984: 22)

Siapakah kumpulan Syiah yang menjadi majoriti di dunia Islam?

Majoriti Syiah pada hari ini berpegang kepada ajaran Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah (Imam 12), iaitu mereka yang beriktikad kepada dua belas imam. Kadang-kadang mereka menggunakan nama *al-Ja’fariyah* sebagai sandaran kepada Imam Ja’far al-Sadiq (Ja’far bin Muhammad) atau digelar juga *Imamiyah* kerana berlaku rantaian imamah. Imam-imam yang dua belas itu adalah seperti berikut:

1. **Abu Hassan:** Ali bin Abi Talib (al-Murtadha) 23SH-40H/ 600M-611M.
2. **Abu Muhammad:** Hasan bin Ali (Zaki) 3H-50H/ 624M-670M.
3. **Abu Abdullah:** Hasan bin Ali (Syahid) 4H-61H/625M-680M.
4. **Abu Muhammad:** Ali bin Husain (Zainal Abidin) 38H-94H/ 658M-713M.
5. **Abu Ja’far:** Muhammad bin Ali bin Husain (al-Baqir) 57H-114H/ 676M-732M.
6. **Abu Abdullah:** Ja’far bin Muhammad (al-Sadiq) 80H-148H/ 699M-765M.
7. **Abu Ibrahim:** Musa bin Ja’far bin Muhammad (al-Kazim) 128H-183H/ 745M-799M.
8. **Abu Hasan:** Ali bin Musa bin Ja’far (ar-Ridha) 153H-203H/ 770M-818M.

9. **Abu Ja'far:** Muhammad bin Ali bin Musa (al-Jawad)
190H-220H/ 811M-835M.
10. **Abu Hasan:** Ali bin Muhammad bin Ali bin Musa (al-Hadi)
214H-254H/ 829M-868M.
11. **Abu Muhammad:** Hasan bin Ali bin Muhammad (al-Askari)
232H-260H/ 846M-874M.
12. **Muhammad bin Hasan bin Ali bin Muhammad (al-Mahdi Muntazar)** dilahirkan pada 255H/ 870H, lalu ghaib dengan *ghaibah sughra* pada 260H/ 875M kemudiannya *ghaibah kubro* tahun 329H.

Pada masa ini, Iran adalah satu-satunya negara yang beramal secara rasmi dengan ajaran Syiah Imam 12. Selain itu, pengikut Syiah Imam 12 banyak bertebaran di negara-negara Arab dan Islam bahkan di seluruh dunia. Kebanyakan mereka tertumpu di Iraq seperti di bandar Baghdad, Najf, Karbala' dan negara-negara seperti India, Iran, Pakistan, Qaucacus, Lubnan, Kuwait, Bahrain, Syria, Ihsa' dan sebagainya.

Adakah Syiah Imam 12 termasuk dalam golongan yang digelar oleh para ulama sebagai Syiah Rafidhah?

Benar, kajian mendalam mendapati bahawa golongan yang mengaku sebagai Syiah Ja'fariyyah atau Syiah Imam 12 itu adalah golongan yang digelar oleh para ulama sebagai “Rafidhah”. Imam Abu Hasan al-Ash'ari mengatakan, “Rafidhah” adalah

golongan yang menolak kekhilafahan Abu Bakar dan Umar, bersepakat di atas pelantikan Ali sebagai khalifah secara nas yang jelas dan mendakwa majoriti sahabat telah tersesat kerana tidak mematuhiinya. (Al-Ash'ari : 16)

Ketiga-tiga ciri utama ini terdapat pada golongan Syiah Imam 12, maka mereka inilah sebenarnya “Rafidhah”. Justeru, golongan ini tidak boleh dijadikan rujukan dalam aqidah dan syariah kerana ajaran mereka menyimpang daripada Islam yang sebenar, apatah lagi untuk mengamalkan dan menyebarkan fahaman mereka yang batil itu di tengah-tengah masyarakat Islam di Malaysia.

Adakah dua belas orang tokoh itu mempunyai kaitan dengan Syiah?

Hakikatnya kesemua sebelas orang tokoh¹ yang disebut oleh golongan Syiah daripada Sayyidina Ali bin Abi Talib sehingga Sayyidina Hasan al-'Askari tiada kena mengena dengan ajaran Syiah. Malah, banyak riwayat yang membuktikan bahawa mereka sendiri tidak mengakui dakwaan yang dibuat oleh Syiah terhadap mereka. Antaranya adalah seperti berikut:

1 Imam yang kedua belas bagi Syiah, iaitu Muhammad bin Hasan al-'Askari hanyalah peribadi yang dikhayalkan kerana ia tidak wujud berdasarkan kitab-kitab Syiah sendiri. Oleh itu, yang wujud hanyalah sebelas orang imam sahaja. Perkara ini akan dijelaskan selanjutnya dalam persoalan berkaitan Imam Mahdi.

Peristiwa ketika pencalonan Sayyidina Ali sebagai khalifah keempat oleh para sahabat sebagaimana yang dirakamkan oleh al-Tabari. Ali bin Abi Talib.r.a. sendiri sebenarnya tidak bersedia menerima jawatan itu, akan tetapi beliau terpaksa berbuat demikian setelah diminta oleh para sahabat supaya menimbangkannya dengan serius berdasarkan keadaan kacau-bilau yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Gambaran ketidakaksiedaan Ali bin Abi Talib.r.a. itu dicatat oleh al-Tabari seperti berikut:

Terjemahan:

“Lalu Ali berkata, biarkan aku sendirian, carilah orang lain. Kita sebenarnya sedang berhadapan dengan satu keadaan yang mempunyai berbagai-bagai wajah dan warna, segala hati tidak mampu menyatakan sikap dan pendirian terhadapnya dan segala akal fikiran juga tidak mampu menetapkan (pendirian) mengenainya”. (Al-Tabari 1969: 4/434)

Riwayat ini menjadi bukti bahawa tidak wujud kepercayaan tentang imamah seperti yang dipegang oleh pengikut Syiah. Sekiranya benar Sayyidina Ali telah diwasiat atau dinaskan menjadi imam, sudah tentu beliau tidak akan mengungkapkan kata-kata yang menunjukkan beliau seboleh-bolehnya tidak mahu menerima jawatan tersebut. Sebaliknya ungkapan Sayyidina Ali itu menunjukkan bahawa soal pelantikan khalifah adalah isu politik dan bukan isu aqidah seperti yang diimani oleh golongan Syiah.

Begitu juga Imam Ja'far al-Sadiq, iaitu imam keenam bagi Syiah yang sering disandarkan kepadanya imam mazhab Syiah. Beliau pernah menafikan dakwaan Syiah kononnya beliau adalah imam maksum yang wajib ditaati serta dakwaan bahawa beliau berlepas diri daripada mencintai dan membela Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar. Antaranya adalah riwayat-riwayat seperti berikut:

- a) Daripada Salim bin Abi Hafsah, dia berkata: “Aku bertanya kepada Abu Ja’far (Muhammad al-Baqir) dan kepada anaknya, Ja’far (Ja’far al-Sadiq), tentang Abu Bakar dan Umar, maka beliau menjawab: “Wahai Salim, berilah wala’ (kecintaan dan pembelaan) kepada kedua-duanya, dan berlepaslah diri dari musuh kedua-duanya, kerana kedua-duanya adalah imam petunjuk”. Kemudian Abu Ja’far berkata: “Wahai Salim, apakah seseorang akan mencela datuknya? Abu Bakar adalah datukku². Aku tidak akan mendapatkan syafa’at Nabi Muhammad SAW pada hari kiamat jika aku tidak memberikan wala’ (kecintaan dan pembelaan) kepada kedua-duanya, dan (jika aku tidak) berlepas diri dari musuh kedua-duanya”. (Al-Zahabi 1413h: 6/258)
- b) Abdul Jabbar bin al-Abbas al-Hamadani telah menceritakan bahawa Ja’far bin Muhammad (Ja’far al-Sadiq) telah menemui mereka ketika mereka hendak meninggalkan

2 Ini kerana ibu Imam Ja’far al-Sadiq adalah Ummu Farwah, Fatimah binti al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar al-Siddiq.

Madinah. Beliau berkata: “Sesungguhnya kamu insya-Allah terdiri daripada orang-orang salih di kota kamu maka kamu sampaikan kepada mereka daripadaku, barangsiapa yang mendakwa aku imam yang maksum dan wajib ditaati maka aku berlepas diri daripadanya. Barangsiapa yang mendakwa aku berlepas diri daripada Abu Bakar dan Umar maka aku juga berlepas diri daripadanya”. (Al-Zahabi 1413h: 6/259)

- c) Hanan bin Sudair mentahdithkan bahawa aku mendengar Ja’far bin Muhammad ditanya tentang Abu Bakar dan Umar lalu beliau berkata: “Kamu bertanya kepadaku tentang dua orang lelaki yang telah pun memakan buah-buahan syurga”. (Al-Zahabi 1413h: 6/259)

Siapakah Imam Mahdi yang tunggu-tunggu oleh Syiah?

Ahli Sunnah Wal-Jamaah (Ahli Sunnah Wal-Jamaah) beriman bahawa Allah SWT akan memenangkan agama-Nya pada akhir zaman nanti dengan mengutuskan seorang lelaki di kalangan ahli keluarga Rasulullah SAW. Ketika itu lelaki tersebut yang dikenali sebagai Imam Mahdi akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana sebelumnya bumi dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Nama Imam Mahdi juga bersamaan dengan nama Nabi SAW, begitu juga nama bapanya, iaitu Muhammad bin Abdullah.

Ahli Sunnah Wal-Jamaah juga beriman bahawa Imam Mahdi akan lahir pada akhir zaman dan bukan pada awal zaman seperti yang didakwa oleh Syiah. Awal permulaan dakwah

Imam Mahdi adalah bersamaan dengan turunnya Nabi Isa a.s., demikian sebagaimana yang tersebut dalam hadith-hadith yang sahih sehingga ia mencapai darjat mutawatir.

Manakala Syiah, mereka beriktikad bahawa nama Imam Mahdi adalah Muhammad bin al-Hasan al-'Askari dan bukan Muhammad bin Abdullah. Beliau dikatakan lahir pada tahun 255H, namun menghilangkan diri (ghaib) ketika berumur lima tahun pada tahun 260H (al-Irbili 1985: 3/243; al-Mufid 1993: 2/339). Sehingga kini (tahun 1434H) penganut Syiah terus menerus menunggu kemunculan Imam Mahdi mereka yang didakwa ghaib tersebut.

Kepercayaan Imam Mahdi Syiah ini pada hakikatnya adalah batil dan palsu berdasarkan kitab-kitab Syiah sendiri. Kalaupun kewujudannya mahu diterima juga, ia tetap tidak menepati syarat-syarat imam seperti yang digariskan oleh para ulama Syiah. Al-Khomeini mengatakan bahawa syarat seorang imam hendaklah berakal, baligh, bijak mengurus, jujur ('adalah) dan alim dalam perundangan Islam, sedangkan syarat-syarat tersebut tidak wujud pada seorang kanak-kanak yang baru berumur lima atau enam tahun. (Al-Khomeini 1389h: 45-47)

Lebih memerlukan lagi, kitab-kitab Syiah sendiri memperakui bahawa imam yang kesebelas, iaitu Imam al-Hasan al-'Askari pada hakikatnya adalah seorang yang mandul. Tiada di kalangan isteri-isteri dan hamba sahayanya yang mengandung.

Diriwayatkan bahawa ketika kematian beliau pada tahun 260H, kaum kerabatnya telah memeriksa sama ada terdapat di kalangan isteri atau hamba sahayanya yang mengandung, namun tiada seorang pun yang mengandung menyebabkan harta pusaka tinggalan beliau hanya dibahagikan kepada ibu dan saudara lelakinya, Ja'far. Pihak sultan juga telah menghantar wakil ke rumah al-Hasan al-'Askari untuk menyiasat isteri-isteri atau hamba-hamba sahayanya, maka didapati bahawa beliau langsung tidak pernah memiliki seorang pun anak. (Al-Kulaini 1407: 1/505; al-Kasyani 1406: 3/846; al-Bahrani 1411: 6/97)

Oleh sebab itu, salah seorang ulama besar Syiah, iaitu al-Mufid mengatakan, “*Tidak muncul baginya seorang anak sewaktu hayatnya dan tidak juga diketahui oleh orang ramai selepas kematiannya*”. (Al-Mufid 1993: 2/336; al-Irbili 1985: 3/211) Walau bagaimanapun, puak Syiah tetap berkeras mengatakan imam ini sedang ghaib bahkan umurnya melebihi umur Nabi Nuh a.s..

Berapakah jumlah penganut Syiah di dunia jika dibandingkan dengan penganut Ahli Sunnah Wal-Jamaah?

Jumlah penganut Sunni di seluruh dunia dianggarkan seramai 1.4 bilion (antara 1.41 bilion dan 1.46 bilion), iaitu mewakili 87 hingga 90 peratus daripada penganut muslim di seluruh dunia. Manakala penganut Syiah pula berjumlah antara 162 juta dan 211 juta, iaitu mewakili 10 hingga 13 peratus penganut muslim

di dunia. Setakat ini, empat buah negara dikenalpasti sebagai memiliki kepadatan penganut Syiah yang teramai berbanding Sunni, iaitu Iran (70 peratus atau 70 juta orang), Azerbaijan (70 peratus atau 6 juta orang), Bahrain (70 peratus atau 500,000 orang) dan Iraq (67 peratus atau 21 juta orang).

Benarkah Islam yang mula-mula sampai ke Alam Melayu membawa aliran Syiah?

Tidak sama sekali. Bahkan Sunni adalah aliran terawal yang tiba di Alam Melayu sebagai sebuah mazhab yang lengkap meliputi aqidah, syariah dan akhlaq (tasawuf). Ia terbukti zaman berzaman menerusi pemakaian aliran Asha'irah sebagai pegangan aqidah, mazhab Syafie dalam perundangan fiqh serta kupasan al-Ghazali dalam amalan tasawuf yang kekal dan menjadi pegangan majoriti masyarakat Islam di Alam Melayu sehingga kini. Aliran ini didapati sama dengan pegangan masyarakat India di Gujerat, Malabar dan Koromandel seperti yang dinyatakan oleh Ibn Batutah, Arnold dan Morrison. Aliran aqidah dan mazhab ini telah menjadi pegangan para tokoh pendakwah terawal di Alam Melayu khususnya selepas abad ke-13M.

Manakala pendapat yang mengatakan aliran Syiah lebih awal daripada aliran Sunni pula sering kali dikaitkan dengan dua alasan, iaitu, kekejaman pemerintah terutamanya Bani Umayyah dan aktiviti penyebaran Islam dirantau ini. ‘Teori Syiah’ ini telah dikemukakan oleh S.Q. Fatimi, Aboe Bakar Atjeh,

Hajsmly, M. Yunus Jamil, turut disokong oleh Mahayudin Yahya, Abdul Rahman Abdullah dan lain-lain. Sebahagian besar teori ini sebenarnya dihubungkan kepada pendapat para sarjana barat bahawa pengislaman Alam Melayu berlaku melalui arah India-Parsi di samping tidak menolak usaha-usaha dari Tanah Arab.

A. Hasjmy dan M. Yunus Jamil berdasarkan sumber dari kitab *Izhar al-Haqq fi Mamlakah Ferlak* karya Abu Ishaq Makarani al-Fasy, mengatakan bahawa pada tahun 173H/789M (atau 800M, atau 817M), satu rombongan pendakwah Syiah yang terdiri daripada 100 orang pendakwah Arab, Parsi dan India Muslim yang diketuai oleh Nakhoda Khalifah Abbasiyyah telah tiba di Perlak. Salah seorang daripada mereka ialah cucu kepada Imam Ja'far al-Sadiq, bernama Ali bin Muhammad al-Dibaj bin Ali bin Ja'far al-Sadiq. Namun begitu, kenyataan ini dibantah kerana tidak wujud sebarang entiti politik muslim di Perlak pada pertengahan abad ke-9M.

Selain itu, kitab *Umdat al-Talib fi'Ansab 'Ali Abi Talib* tidak pernah menyatakan penghijrahan Ali bin Muhammad Dibaj ke Perlak selain ke Basrah dan al-Ahwaz. Beliau kemudiannya telah dikebumikan di Baghdad. Manakala Hassan Muarif Ambary menolak kewujudan kerajaan awal Perlak berdasarkan kajian arkeologinya mengenai Islamisasi di Indonesia. Menurut Slamet Mulyana, Syiah hanya sampai ke Samudera Pasai pada permulaan abad ke-12M dengan dukungan kerajaan Fatimiyyah di Mesir.

Kesimpulannya, kewujudan kerajaan Perlak sebagai negara pertama Syiah pada pertengahan kurun ke-9M seperti yang dikemukakan oleh A. Hasjmy dan M. Junus Jamil tidak dapat dibuktikan kerana bertentangan dengan sumber-sumber nasab dan arkeologi. Ia boleh dianggap sebagai sumber tidak memiliki autoriti walaupun popular di kalangan sarjana.

Merujuk kepada fakta yang lebih jelas, aliran Syiah boleh dikatakan hanya mula berkembang menerusi ajaran *wujudiyyah* dan tasawuf falsafah yang lain selepas ketibaan Syeikh Abdullah Arif ke Alam Melayu pada abad ke-12M. Kenyataan ini membuktikan bahawa Sunni merupakan aliran terawal tiba dan menguasai beberapa kerajaan di Alam Melayu sebelum diresapi oleh aliran Syiah Batiniyyah sesat. (Mohd Samsuddin Harun, et al. 2011)

Bilakah Syiah mula-mula tersebar di Malaysia?

Terdapat pelbagai teori tentang awal kedatangan Syiah ke Malaysia atau secara umumnya ke Nusantara. Namun begitu, pandangan yang paling tepat adalah, unsur-unsur aliran Syiah secara jelas mula dikesan bermula sejak abad ke-12M menerusi dakwah Syeikh Abdullah Arif berdasarkan kitabnya *Bahr al-Lahut*. Ini menjelaskan aliran Syiah yang pertama sampai ke Alam Melayu ialah fahaman Batiniyyah, bukannya aliran Imamiyyah. Ia adalah pemikiran Syiah Batiniyyah yang meresap ke dalam pemikiran tasawuf teosofi seperti doktrin *wujudiyyah*, *hulul*

waittihad, Nur Muhammad, Insan Kamil, Rijal al-Ghayb(Imam Mahdi) dan beberapa aspek lain yang dibawa oleh beberapa orang ulama tasawuf seperti Sunan Kalijaga, Syeikh Siti Jenar, Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumaterani dan lain-lain. (Mohd Samsuddin Harun et al., 2011: 312)

Selain itu, di Malaysia terdapat dua jenis Syiah yang dibawa oleh pendatang India dari negara mereka, iaitu Syiah Taiyibi Bohra (Dawood Bohra) dan Syiah Ismailiyah Agha Khan. Syiah Dawood Bohra dikenali dengan golongan yang memiliki *Kedai Bombay*. Kumpulan yang berpusat di daerah Kelang ini mempunyai tanah perkuburan dan masjidnya sendiri dan pengikutnya dianggarkan seramai 200 hingga 400 orang. Manakala Syiah Agha Khan dikenali dengan pemilik *Kedai Peerbhai* bergerak di sekitar Lembah Kelang dan jumlah pengikut lebih kecil dari kelompok Syiah Dawood Bohra. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis Syiah ini didapati tidak menjalankan dakyahnya kepada masyarakat Sunni, sebaliknya ia hanya berkembang dalam kalangan generasi baru mereka sendiri.

Namun begitu, berdasarkan kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), dakyah Syiah sebagai sebuah mazhab hanya aktif dalam menyebarkan fahaman mereka di Malaysia selepas kejayaan revolusi Iran pada tahun 1979. Ajaran Syiah yang dibawa oleh Iran ini adalah berasaskan aliran Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah (Imam 12).

Apakah aqidah pegangan penganut Syiah Melayu di Malaysia?

Aqidah atau iktikad yang dipegang oleh penganut Syiah Melayu di Malaysia dapat dikesan menerusi karya-karya, siri-siri dialog dengan mereka serta kes-kes yang dilaporkan, antaranya seperti berikut:

- a) Mendakwa *Imamah* sebagai Rukun Islam yang pertama dan termasuk dalam perkara usuluddin

Menurut penganut Syiah Melayu, persoalan *imamah*, iaitu pelantikan Sayyidina Ali dan keturunannya sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW adalah merupakan soal aqidah, bukan furu' (cabang) dan termasuk dalam perkara *usul al-din* bukan *usul al-mazhab*. Perkara ini dinyatakan secara jelas oleh Ketua Jurucakap Syiah Malaysia, Hujjatul Islam Kamilzuhairi bin Abdul Aziz ketika Majlis Dialog Tertutup Bersama Pengikut Syiah Melayu bertempat di Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Serai, Perak pada 8 Disember 2011.

Ini bermakna menolak kepercayaan terhadap *imamah* boleh membawa kepada kekufuran atau terkeluar daripada Islam kerana bagi Syiah ia adalah merupakan rukun Islam yang pertama. Dalam dialog dengan penganut Syiah Melayu di Jabatan Agama Islam Selangor pada 9 April 2013 (Selasa), apabila ditanya oleh panel Ahli Sunnah Wal-Jamaah

berkenaan kedudukan Ahli Sunnah Wal-Jamaah di akhirat kelak, sama ada di syurga atau pun neraka, mereka gagal menjawab soalan sebaliknya berdolak-dalik dengan jawapan yang lain.

Jika Ahli Sunnah Wal-Jamaah termasuk di dalam golongan yang selamat di sisi Syiah, sudah tentu Syiah tidak perlu berdolak-dalik untuk mengelak daripada menjawab soalan yang diajukan. Ini bermakna, Syiah menganggap seolah-olah umat Sunni hanya diiktiraf sebagai muslim ketika di dunia namun di akhirat kelak mereka termasuk di kalangan ahli neraka. *Wal'iyazu billah*.

- b) Menafikan kekhilafahan Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan Sayyidina Uthman

Dalam buku *Inilah Khulafa' Ar-Rasyidin Rasul!!* karangan Khair Izzah halaman 43 hingga 45, penulis telah menafikan kekhilafahan tiga orang khalifah tersebut sambil menyebut keburukan-keburukan mereka. Antaranya penulis menuduh bahawa Sayyidina Abu Bakar adalah perampas hak jabatan khilafah yang sepatutnya disandang oleh Sayyidina Ali. Penulis juga menuduh Sayyidina Umar sebagai pengkhianat Nabi SAW kerana telah mengharamkan nikah mut'ah, manakala Sayyidina Uthman pula didakwa kononnya melarang penulisan sunnah di kalangan masyarakat, serta pelbagai lagi tuduhan lain terhadap ketiga-tiga khalifah tersebut.

Buku *Meniti Titian Kebenaran* karangan Khair Izzah bermula pada halaman 268 telah membincangkan tajuk *Rampasan Hak Jabatan Khilafah*. Penulis mendakwa bahawa Ahli Sunnah Wal-Jamaah telah menciptakan pelbagai alasan untuk mengesahkan kedudukan jawatan khalifah yang disandang oleh Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan Sayyidina Uthman sedangkan ketiga-tiga khalifah tersebut ditabalkan secara tidak sah menurut Syiah.

- c) Mengkafir dan memfasiqkan para sahabat

Khair Izzah dalam buku *Meniti Titian Kebenaran* pada halaman 357 hingga 359 berhujah dengan kemunafikan para sahabat berdasarkan surah al-Tawbah ayat 101.

Seterusnya Khair Izzah menjustifikasi pengkafiran tiga orang sahabat Abu Bakar, Umar dan Uthman kerana telah melanggar nas al-Qur'an dan hadis sahih yang telah membuktikan bahawa Ali yang sepatutnya menggantikan Rasulullah SAW selepas kewafatan baginda.

Manakala menurut buku *Perspektif Sahabat Dalam Islam* karangan Asad Haidar terjemahan Haji Khalid Kasban pula menyatakan pada halaman 5 dan 6, Syiah berpendapat bahawa setiap sahabat itu perlu dinilai berdasarkan amalan dan darjat keimanan mereka. Dalam kalangan mereka ada yang mukmin, munafiq, adil, fasiq, baik dan jahat.

Dalam buku berjudul *Abu Hurairah* halaman 127, pengarang secara jelas menuduh Abu Hurairah r.a. sebagai pendusta dan pereka hadith-hadith Nabi SAW. Pengarang menyebut:

“Hanya selepas kematian hampir semua sahabat itu dan penaklukan bumi yang lain seperti Syria, ‘Iraq, Mesir, Afrika dan Iran ketika sebilangan besar sahabat berkurangan sementara bilangan orang muslim di kawasan yang dikuasai bertambah dan mereka tidak pernah mengetahui sesuatu pada zaman Nabi (s.a.w.), lalu Abu Hurairah memberanikan diri dengan mulai meriwayatkan hadith. Cara ini sebenarnya merupakan masa ketika kebanyakan pendusta mendapati diri mereka berada bersama di alam yang baru di mana hanya beberapa orang sahaja mengetahui kedudukan pada zaman awal Islam... ”.

- d) Mendakwa bahawa al-Qur'an telah diubah

Buku Syiah Melayu berjudul *Kitab Sulaim bin Qais al-Hilali* menjelaskan pada halaman 30 bahawa Sayyidina Ali memiliki al-Qur'an yang dikumpulnya sendiri.

Dalam kitab *Muktamar Baghdad* halaman 16, Syiah mendakwa bahawa al-Qur'an yang dikumpulkan pada zaman Sayyidina Uthman bukan al-Qur'an yang telah dikumpulkan pada zaman Rasulullah SAW.

- e) Berdoa supaya dihapuskan penentang Syiah termasuk pihak berkuasa

Dalam buku Syiah Melayu berjudul *Salafi Wahabi* yang disebar di masjid-masjid dan surau-surau tanpa nama dan penerbit telah meletakkan pada setiap halamannya doa supaya dihapuskan golongan yang menentang Syiah atas alasan mereka itu bersekongkol dengan Wahhabi, Yahudi dan Amerika. Antaranya turut disebut nama-nama tertentu seperti bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Ketua Pengarah Jakim dan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan.

- f) Mengharuskan perbuatan meliwat

Terdapat kes seorang wanita berketurunan Sabah memohon fasakh kerana suaminya yang berfahaman Syiah sering mendesak dirinya untuk melakukan hubungan seks di luar tabi'i. Perbuatan suaminya ini adalah sesuai dengan fatwa Syiah yang mengharuskan perbuatan meliwat isteri atau melakukan hubungan seks menerusi dubur. Dalam kitab *Tahrir al-Wasilah* karangan al-Khomeini, Masalah 11 halaman 221 menyebut bahawa, “*Yang masyhur dan kuat ialah keharusan menyetubuhi isteri pada duburnya dengan kemakruhan yang bersangatan, yang lebih berhati-hati adalah meninggalkannya khususnya ketika isteri tidak merelakannya*”.

g) Menyambut Hari Karbala pada setiap 10 Muharram

Pengikut Syiah Melayu semakin berani mengadakan sambutan Hari Karbala. Sebagai contoh, ketika sambutan Hari Karbala pada 2011, penganut Syiah telah mengemukakan surat kepada pihak atasan kerajaan termasuk Jabatan Agama Islam Negeri.

Kandungan surat tersebut sebagai pemakluman kepada pihak kerajaan berkenaan hasrat mereka untuk mengadakan majlis sambutan Asyura bagi memperingati kesyahidan Imam Husain di Karbala pada tahun 61H. Sambutan tersebut diadakan selama 10 hari berturut-turut dari 1 hingga 10 Muharram. Antara program yang dinyatakan ialah bacaan ayat al-Qur'an, tazkirah, ziarah Asyura, deklamasi sajak dan syair serta jamuan.

Dalam buku Syiah Melayu berjudul *Penyelewengan Ahlus Sunah Wal-Jemaah* halaman 33, menuduh bahawa golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah pembunuhan Sayyidina Husain r.a., justeru Ahli Sunnah Wal-Jamaah tidak bersedih malah berpesta di atas kesyahidan Sayyidina Husain r.a. pada Hari Karbala.

Dalam artikel bertajuk *Cinta Asyura dan Karbala* yang tersiar di Utusan Malaysia bertarikh 7 Januari 2009, telah mendakwa bahawa pembunuhan Sayyidina Husain di Karbala adalah anak sahabat Nabi, iaitu Umar bin Saad bin Abi Waqqas.

Penulis juga cuba menggunakan peristiwa Karbala untuk mempromosikan Syiah dengan menyeru supaya semangat memperingati Karbala dijadikan contoh untuk membebaskan Baitul Maqdis daripada cengkaman Zionis Yahudi.

h) Mempertahankan amalan nikah mut’ah

Dalam buku fiqh Syiah Melayu berjudul *Mukhtasar al-Ahkam* terbitan Markaz Ahlul Bait, Universiti Kebangsaan Malaysia mengajar kaedah untuk melakukan nikah mut’ah @ kontrak. Halaman 167 menyebut seperti yang berikut:

“Jika lelaki dan perempuan ingin membaca akad sementara sendiri, setelah ditetapkan mahar dan tempoh nikah, perempuan berkata, “Zawwajtuka nafsi fel moddatel ma’loomate alal mahrel ma’loom”, iaitu “saya telah menjadikan saya isteri awak bagi tempoh yang dinyatakan bagi mahar yang dinyatakan”, dan tanpa berlengah lelaki berkata “Qabelto”, iaitu “Saya menerimaanya”, akad itu sah”.

Menurut buku *Pertahan Syariat Muhammadiyah* karangan Khair Izzah, halaman 195-198 menyebut bahawa pengharaman nikah mut’ah hanya dilakukan oleh Sayyidina Umar al-Khattab dan ia tidak pernah diharamkan oleh Nabi SAW malah kekal halal sampai ke hari ini.

- i) Mempertikaikan kesahihan dan keutuhan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Dalam buku *Perempuan Nan Bercinta* karangan Faisal Tehrani terdapat banyak unsur-unsur yang menghina pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Antaranya pada halaman 9, pengarang cuba menggambarkan bahawa mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi pegangan 90 peratus umat Islam di dunia sebagai mazhab yang tidak asli berbanding Syiah yang minoriti tetapi asli pada pemikirannya. Kenyataan ini jelas mempertikaikan keabsahan pegangan majoriti umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia.

Pada halaman 83, pengarang mendakwa bahawa mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah tidak mampu menyelesaikan permasalahan wanita dan pelbagai lagi tuntutan lain kerana dasarnya yang bergantung kepada kesia-siaan, lalu pengarang mengesyorkan supaya bertukar kepada Syiah yang dianggapnya sebagai satu aliran yang kukuh.

Pada halaman 338 dan 339, pengarang mendakwa mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai satu pakatan yang rapuh dan saling bercakaran antara satu sama lain.

Manakala pada halaman 341, pengarang menghina Ahli Sunnah Wal-Jamaah secara biadap dengan mendakwa

kononnya Ahli Sunnah Wal-Jamaah walaupun setelah beribu tahun menjadi ideologi atau pegangan rasmi umat Islam, tetapi ia masih tidak mampu menyelesaikan pelbagai masalah, maka pengarang menyuruh pembaca supaya muhasabah diri untuk berfikir jika Ahli Sunnah Wal-Jamaah perlu ditukarkan kepada mazhab yang lain, iaitu Syiah.

Sementara itu, pada halaman 179 dan 180, pengarang menghasut supaya rakyat menentang kewujudan dan penubuhan institusi atau agensi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama secara rasmi atas alasan ia hanya akan menyempitkan pengertian agama kepada kelompok tertentu sahaja sedangkan yang lain akan dianggap salah dan disekat. Malah menuduh bahawa menginstitusikan agama akan menyebabkan agama menjadi milik manusia yang mentafsirkan al-Qur'an dan al-Sunnah sesuka hati menurut fahaman sendiri.

- j) Mendakwa Syiah adalah pengikut Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang sebenar dan mencabar pihak berkuasa

Pada 6 Jun 2011, Majlis Syiah Malaysia telah menghantar memorandum yang ditandatangani oleh peguamnya, Mohd Haidar bin Mohd Hashim kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia, isi kandungannya bermatlamatkan untuk merayu supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan

di peringkat negeri dan kebangsaan. Antara alasan yang dikemukakan adalah mendakwa Syiah adalah adalah Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang sebenar kerana menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai pegangan.

Apakah perbezaan yang paling mendasar antara Sunni dan Syiah?

Masih ramai di kalangan umat Islam yang menganggap perbezaan Sunni dan Syiah hanya bersangkutan perkara-perkara cabang agama seperti perbezaan antara sesama mazhab Sunni yang empat, iaitu antara Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Perbezaan Sunni dan Syiah dianggap seperti perbezaan antara berqunut Subuh atau tidak, menggerakkan jari telunjuk ketika tahiyyat awal atau tidak, bersedekap atau tidak dan seterusnya.

Apa yang perlu difikir-fikirkan oleh golongan yang beranggapan sedemikian, mengapa di kalangan sesama mazhab Sunni yang empat tidak kedengaran isu dakwah mendakwah antara satu sama lain walaupun mereka saling berkhilaf? Sebagai contoh, dalam konteks Malaysia sendiri, pengikut mazhab Syafie yang menjadi majoriti umat Islam di negara ini tidak pernah berdakwah kepada pengikut mazhab Hanafi yang kebanyakannya adalah golongan India Muslim supaya meninggalkan mazhab Hanafi dan memeluk mazhab Syafie. Malah tidak kedengaran pun di kalangan pengikut dua mazhab ini yang telah bertukar ke mazhab lain. Bahkan di Kuala Lumpur,

terdapat masjid yang dikhkususkan buat kaum India Muslim yang bermazhab Hanafi dan penganut mazhab Syafie turut bersolat jamaah di masjid tersebut tanpa sebarang prejedis dan prasangka negatif.

Walhal, perkara yang sebaliknya berlaku dalam hubungan antara penganut Sunni dan Syiah. Sepanjang sejarah, kita melihat kehadiran dua kumpulan ini di suatu tempat yang sama pasti akan mengundang perbalahan dan pertelingkahan. Lebih malang lagi di sebuah negara yang menjadi majoriti Ahli Sunnah Wal-Jamaah, golongan Syiah tetap berusaha menyebarkan fahamannya dan cuba menghasut supaya pengikut Sunni meninggalkan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan memeluk Syiah? Apakah punca sebenar perkara ini terjadi? Puncanya adalah kerana Syiah tidak menganggap perselisihan mereka dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai isu cabang, sebaliknya isu pokok yang melibatkan soal haq dan batil. Syiah dikatakan benar dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dituduh sebagai palsu.

Perbezaan antara Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Syiah menjadi tersangat mendasar apabila Syiah menokok tambah perkara prinsip dalam agama atau usuluddin dengan mengatakan keimaman terhadap imam-imam Syiah itu adalah rukun Islam yang pertama. Dalam kitab al-Kafi, di bawah bab Rukun Islam, riwayat al-Kulaini menukilkan daripada Abi Ja'far, “Islam itu terbina di atas lima perkara; solat, zakat, puasa, haji dan wilayah. Tidak diseru kepada sesuatu pun sebagaimana diseru kepada

wilayah (*keimaman*), lalu ramai orang mengambil empat perkara tetapi meninggalkan yang ini (*keimaman*)”. (Al-Kulaini 1407: 2/18)

Dalam riwayat yang lain menyebut daripada Zurarah daripada Abi Ja’far, “*Islam itu terbina di atas lima perkara iaitu solat, zakat, puasa, haji dan wilayah. Lalu Zurarah bertanya: Mana satukah yang paling afdhal?* Abu Ja’far menjawab: *Wilayah kerana ia kunci kepada rukun-rukun yang lain, wali (imam) merupakan dalil ke atasnya (rukun-rukun yang lain)...*” (Al-Kulaini 1407: 2/18)

Benarkah golongan Syiah mengkafirkan Ahli Sunnah?

Berdasarkan iktikad imamah atau wilayah sebagai sebahagian daripada usuluddin dan rukun Islam yang pertama, maka didapati ramai kalangan ulama Syiah yang mengkafirkan golongan yang tidak berpegang kepada imamah secara terang-terangan. Dibawakan beberapa contoh seperti berikut:

- a) Al-Faidh al-Kasyani mengatakan, “*Sesiapa yang mengingkari keimaman salah seorang daripada dua belas imam, kedudukannya sama dengan orang yang mengingkari kenabian semua para nabi*”. (Al-Kasyani 1407h: 48)
- b) Al-Majlisi berkata, “*Ketahuilah bahawa menyandarkan lafaz syirik dan kufur ke atas orang yang tidak beriktikad kepada*

keimaman Imam Ali dan imam-imam daripada keturunannya malah mengutamakan orang lain ke atas mereka, ia menunjukkan bahawa mereka itu kafir dan kekal di dalam neraka". (Al-Majlisi 1403: 23/390)

- c) Yusuf al-Bahrani mengatakan, "Sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa orang yang menyalahi (Syiah) hukumnya kafir, tiada tempatnya bagi dalam Islam dalam apa juu bentuk sebagaimana telah kami tahqiq dalam kitab kami al-Syihab al-Thaqib". (Al-Bahrani 1985: 18/53)
- d) Abdullah Syibr berkata, "Adapun kesemua golongan yang menyalahi (Syiah) walaupun bukan nasibi (pembenci Ahlul Bait), penderhaka dan tidak taksub, maka yang diputuskan oleh sejumlah ulama Syiah Imamiyyah seperti Sayid al-Murtadha, semua mereka kafir di dunia dan akhirat, dan yang lebih masyhur bahawa mereka itu kafir kekal di dalam neraka". (Syibr 1997: 2/188)

Berasaskan fahaman ini juga, golongan Syiah menganggap semua amal ibadat yang dilakukan oleh golongan selain Syiah terutamanya Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai tidak diterima oleh Allah SWT. Ini kerana syarat untuk diterima segala amal ibadat hendaklah diawali dengan beriman kepada imamah atau wilayah Imam Ali dan keturunannya. Dalam satu riwayat yang dinukilkhan oleh al-Majlisi menyebut, daripada Ali r.a.:

“Sesungguhnya perkara pertama yang akan ditanya ketika seseorang hamba berdiri di hadapan Allah Jalla Jalaluh adalah mengenai solat fardhu, zakat fardhu, puasa fardhu dan wilayah kami Ahlul Bait, sekiranya dia mengakui wilayah kami kemudian meninggal dunia dalam keadaan tersebut, maka diterima daripadanya solat, puasa, zakat dan hajinya. Namun jika dia tidak mengakui wilayah kami yang berada dalam kekuasaan Allah Jalla Jalaluh, maka Allah tidak menerima daripadanya sesuatupun daripada amal ibadahnya”. (Al-Majlisi 1403: 27/167)

Kesimpulannya, akibat penolakan Ahli Sunnah Wal-Jamaah terhadap aqidah pertama Syiah, iaitu kepercayaan kepada imamah, maka terdapat pendapat-pendapat daripada golongan Syiah yang menganggap bahawa Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu sudah terkeluar daripada Islam.

Mengapakah Syiah masih membaca al-Qur'an yang sama dengan Ahli Sunnah sedangkan mereka menuduh bahawa al-Qur'an itu telah diselewengkan daripada yang asli?

Salah seorang ulama besar Syiah bernama Ni'matullah al-Jaza'iri telah menulis dalam kitabnya *al-Anwar al-Nu'maniyyah*: “Jika kamu bertanya bagaimana harus membaca al-Qur'an ini

sedangkan terdapat padanya perubahan. Aku menjawab: Telah diriwayatkan dalam banyak perkhabaran bahawa para imam telah memerintahkan pengikut mereka membaca al-Qur'an yang wujud ini di dalam solat dan lain-lain serta beramal dengan hukum-hakamnya sehingga kemunculan Imam Mahdi, lalu akan terangkatlah al-Qur'an yang ada di tangan manusia ini ke langit, kemudian dikeluarkan al-Qur'an yang dikarang oleh Amir al-Mu'minin Ali lalu dibaca dan dilaksanakan hukum-hakamnya".
(Al-Jaza'iri 1984 : 2/360)

Dinukilkan juga daripada Syeikh al-Mufid bahawa beliau berkata, "Bahawa ada perkhabaran yang sahih daripada para imam kita bahawa mereka telah melihat orang ramai membaca apa yang ada dalam mashaf dan kita tidak dibenarkan untuk menambah atau mengurangkannya sehingga ke hari kemunculan Imam Mahdi, lalu beliau akan membacakan (al-Qur'an sebenar) yang telah diturunkan oleh Allah Ta'ala dan dikumpulkan oleh Amir al-Mu'minin (Ali)". (Al-Mufid 1413h: 78-81)

Kesimpulannya, Syiah mengatakan bahawa al-Qur'an yang sedia ada boleh terus dibaca dan diamalkan, namun mereka tetap beriktikad ia tidak sempurna dan tidak asli sehingga tiba waktu kedatangan Imam Mahdi yang akan membawa bersama dengannya al-Qur'an yang sebenar.

Benarkah Syiah merupakan pendukung Ahlul Bait (ahli keluarga Nabi SAW)?

Tidak benar sama sekali. Ini kerana Syiah sendiri telah mengkhianati ahli keluarga Nabi SAW. Antara bukti-bukti pengkhianatan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Ahlul Bait bagi Syiah adalah Ali, Fatimah, Hasan dan Husain r.a.h.m serta keturunan mereka. Manakala keluarga Ja'far, keluarga 'Aqil dan keluarga 'Abbas tidak termasuk di kalangan ahli keluarga Nabi SAW sedangkan mereka telah dikhabarkan adalah termasuk di kalangan ahli keluarganya yang diharamkan menerima sedekah.
- b) Syiah hanya memperakui Fatimah al-Zahra' sahaja sebagai anak perempuan Rasulullah SAW, sebaliknya Zainab, Ruqayyah dan Ummu Kalthum tidak dianggap sebagai anak Nabi SAW.
- c) Para isteri Rasulullah SAW juga tidak dianggap oleh Syiah sebagai kalangan ahli keluarga Nabi SAW. Mereka menolak surah al-Ahzab ayat 33-34 yang dengan jelas menyatakan isteri-isteri Nabi SAW termasuk di kalangan ahli keluarga Baginda SAW.

Benarkah Ahli Sunnah pembunuhan Sayyidina Husain r.a di Karbala?

Dalam buku Syiah Melayu berjudul *Penyelewengan Ahlus Sunah Wal-Jemaah* halaman 33, Syiah menuduh bahawa golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah pembunuhan Sayyidina Husain r.a.

Golongan Syiah sepatutnya tidak leka untuk mengkaji catatan para ulama mereka yang muktabar menerusi kitab-kitab utama mereka. Umpamanya di dalam *Al-Ihtijaj ‘Ala Ahlil Lajaj*, Ahmad bin Ali bin Abi Talib al-Tabarsi menulis bahawa Imam Ali Zainal Abidin anak Sayyidina Husain r.a. yang ikut serta dalam rombongan Husain r.a. ke Kufah telah berkata kepada penduduk Kufah, “*Wahai manusia (orang-orang Kufah)! Dengan Nama Allah aku bersumpah untuk bertanya kamu, ceritakanlah! Tidakkah kamu sedar bahawasanya kamu mengutuskan surat kepada ayahku (menjemputnya datang), kemudian kamu menipunya? Bukankah kamu telah memberikan perjanjian taat setia kamu kepadanya? Kemudian kamu membunuhnya, membiarkannya dihina. Celakalah kamu kerana amalan buruk yang telah kamu lakukan untuk dirimu*”. (Al-Tabarsi 1403H: 2/306)

Pada halaman sebelumnya al-Tabarsi mengemukakan kata-kata Fatimah al-Shughra anak perempuan Sayyidina Husain

r.a. kepada penduduk Kufah, “*Wahai Penduduk Kufah, wahai pembelot dan pengkhianat! Kami adalah Ahlul Bait yang Allah Ta’ala menguji kami dengan kamu dan menguji kamu dengan kami*”, seterusnya selepas memuji-muji kedudukan Ahlul Bait beliau berkata lagi, “*Kamu telah membunuh kami dan merampas harta benda kami sebagaimana kamu telah membunuh datuk kami Ali r.a.. Pedang-pedang kamu sentiasa menitiskan darah-darah kami Ahlul Bait*”. (Al-Tabarsi 1403h: 2/302).

Di dalam kitab A’yan al-Syi’ah pengarangnya Sayyid Muhsin al-Amin mengatakan bahawa, “*Seramai dua puluh ribu penduduk Iraq telah berbai’ah kepada Husain kemudian mereka mengkhianatinya lalu memberontak terhadapnya dalam keadaan bai’ah masih lagi berada di tengkuk-tengkuk mereka dan membunuhnya*”.(Al-Amin 1998: 1/32).

Berdasarkan kepada segala fakta yang dikemukakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Syiah Kufah adalah pencetus peristiwa Karbala dan pembunuh Sayyidina Husain r.a. Inilah yang menjadi punca ratapan dan penyesalan mereka yang tidak berkesudahan. Malah pengakuan Syiah pembunuh-pembunuh Sayyidina Husain ini diabadikan oleh ulama-ulama Syiah yang merupakan rujukan agama mereka seperti Baqir Majlisi, Nurullah Shustri dan lain-lain di dalam buku masing-masing.

Inilah peristiwa sebenar di sebalik apa yang berlaku. Sayyidina Husain dibunuh dengan tangan-tangan Syiah sendiri

dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah tiada kena mengena dengan apa yang terjadi ke atas beliau.

Mengapa Syiah menyambut Hari Nairuz yang digagaskan oleh agama Majusi?

Antara perkara yang boleh mengaitkan Syiah dengan agama Majusi adalah kerana puak Syiah telah meneruskan budaya bangsa Parsi beragama Majusi, penyembah api yang menyambut satu perayaan bernama Hari Nairuz. Ia disambut pada 21 Mac setiap tahun oleh penganut Syiah.

Apa yang memerlukan, perayaan tersebut disambut oleh penganut Syiah bukan sahaja kerana ia merupakan perayaan tradisi atau kebudayaan, sebaliknya terdapat iktikad tertentu di sebaliknya. Terdapat riwayat-riwayat Syiah yang menyebut pada hari tersebut akan muncul Imam Mahdi mereka yang ditunggu-tunggu. Allah SWT juga akan memenangkan Mahdi menentang Dajjal lalu menyalibnya di atas Kunasah di Kufah. (Al-Majlisi: 52/308; Hurr ‘Amili: 8/173)

Bagi penganut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, perayaan Nairuz telah dibatalkan oleh Nabi SAW dan digantikan dengan dua hari raya Islam ketika Baginda masuk ke Madinah. Sabda Rasulullah SAW: “Saya mendatangi kalian dan kalian memiliki dua hari raya (Nairuz dan Mahrajan), yang kalianjadikan sebagai waktu untuk bermain. Padahal Allah telah menggantikan dua hari raya terbaik

untuk kalian; Idul Fitri dan Idul Adha.” (Riwayat Ahmad, Abu Daud, dan Nasa’i).

Apakah ciri-ciri mudah untuk mengenal seorang penganut Syiah?

Antara ciri-ciri mudah untuk mengenali seorang penganut Syiah itu secara zahir adalah seperti berikut:

- a) Solat hanya tiga waktu, iaitu dengan menjamakkan solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak tanpa sebarang sebab pada sepanjang masa;
- b) Sering menyebut nama Ya Ali atau Ya Husain (*radhiyallahu ‘anhu*) ketika ditimpa sebarang musibah;
- c) Gemar menampal atau menggantung di dinding rumah gambar-gambar fantasi dua belas orang imam bermula daripada Sayyidina Ali hingga imam yang kedua belas;
- d) Gemar menampal atau menggantung di dinding ucapan salam kepada Sayyidina Husain, Sayyidah Fatimah al-Zahra’ dan Ahlul Bait yang lain;
- e) Mengadakan sambutan hari lahir imam-imam Ahlul Bait terpilih termasuk Wiladah Fatimah al-Zahra’ dan Wiladah Zainab al-Kubra;
- f) Mengucapkan ‘*alayhissalam* atau ‘*alayhassalam* selepas setiap kali menyebut nama-nama imam Ahlul Bait

seperti Imam Ali ‘alayhissalam, Fatimah ‘alayhassalam dan lain-lain;

- g) Gemar menamakan anak-anak mereka dengan nama-nama Ahlul Bait seperti Fatimah al-Ma’sumah, Musa al-Kazim, Ali al-Ridha, Hasan ‘Askari dan lain-lain;
- h) Sesetengah Syiah menyandarkan kalimah Abd kepada nama-nama imam Syiah untuk dinamakan kepada anak-anak mereka seperti Abdu Ali, Abdul Husain, Abdul Hasan, Abdul Ridha dan lain-lain;
- i) Menyambut Hari Karbala’ pada setiap 10 Muharram dengan cara meratapi kesyahidan Sayyidina Husain dan menganggap bid’ah berpuasa Asyura pada hari tersebut seperti yang dilakukan oleh penganut Sunni;
- j) Menyambut perayaan Hari Nairuz, iaitu perayaan bangsa Parsi terdahulu yang beragama Majusi pada setiap 21 Mac;
- k) Tidak menunaikan solat Jumaat kecuali untuk *ihtiyath* (berhati-hati) kerana Jumaat tidak wajib kecuali setelah munculnya Imam Mahdi. Jika ditunaikan, puak Syiah tetap akan mengerjakan Zuhur selepasnya;
- l) Majoriti pengikut Syiah akan membawa *al-Turbah al-Husainiyyah* atau batu Karbala untuk diletakkan pada tempat sujud bagi tujuan sujud di atasnya. Jika tiada batu tersebut, Syiah akan sujud di atas apa jua yang berasal dari tanah seperti daun, kayu dan kertas;

- m) Ketika berwudhuk, Syiah hanya menyapu kedua belah kaki tanpa membasuhnya seperti Sunni;
- n) Tidak bersedekap ketika *qiyam* solat sebaliknya kedua-dua tangan dilepaskan;
- o) Syiah akan bertakbir sebanyak tiga kali selepas memberi salam ketika selesai bersolat;
- p) Syiah tidak akan menunjukkan penghormatan dengan menyebut ungkapan *radhiyallahu 'anhu* atau *radhiyallahu 'anha* setiap kali menyebut nama para sahabat seperti Abu Bakar, Umar, Uthman, Mu'awiyah, Talhah, Zubair, Aisyah, Hafsa dan lain-lain;
- q) Ketika berdoa, Syiah hanya berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga Baginda sahaja tanpa menyebut para sahabat;
- r) Pada bulan Ramadhan penganut Syiah tidak terus berbuka puasa setelah azan maghrib, tetapi akan menunggu sehingga hari menjadi gelap;
- s) Syiah tidak solat Tarawih bersama kaum Muslimin, kerana menganggapnya sebagai bid'ah yang direka oleh Umar al-Khattab;
- t) Syiah menambah lafadz azan dengan menyebut *Asyhadu anna 'Aliyyan waliyyullah* dan *Asyhadu anna 'Aliyyan hujjatullah*

selepas Asyhadu anna Muhammadar Rasulullah. Begitu juga Syiah menambah Hayya ‘ala khairil ‘amal selepas Hayya ‘ala falah;

- u) Dalam berpolitik, Syiah gemar memuji-muji pemimpin Iran terutamanya al-Khomeini, al-Khamenei dan Ahmadinejad;
- v) Dalam ketenteraan, sering menjadikan tentera Syiah, Hizbullah di Lubnan yang diketuai oleh Hasan Nasrullah sebagai contoh ikutan;
- w) Mengaku sebagai penganut bermazhab Ja’fari atau Mazhab Ahlul Bait.

Apakah agenda Syiah di sebalik penyebaran risalah al-Quds yang mengajak perpaduan Sunni-Syiah dalam mempertahankan Palestin?

Risalah al-Quds adalah satu sandiwara Syiah untuk mengelabui mata umat Islam kononnya Syiah merupakan golongan yang paling tegas dalam mempertahankan isu Palestin.

Jika Syiah benar-benar jujur untuk memperjuangkan Palestin, perkara pertama yang perlu diperbetulkan oleh Syiah adalah mengiktiraf sahabat agung Sayyidina Umar al-Khattab sebagai bapa kemerdekaan Palestin. Renungkan! Siapakah orang Islam pertama yang membebaskan Palestin setelah ia diperintah selama 12 kurun oleh kerajaan Babilon, Yunani, Parsi

dan Rom? Bukankah beliau adalah Sayyidina Umar al-Khattab r.a..Beliaulah yang telah berjaya membebaskan bumi Palestin dan merebut kembali Baitul Maqdis melalui satu penyerahan terhormat yang dilakukan oleh Ketua Paderi Safraneus pada tahun ke-17H bersamaan tahun 638M.

Lalu apa kata Syiah terhadap sahabat agung ini? Lihat sahaja, bagaimana ketika umat Islam berduka di atas kesyahidan Sayyidina Umar di tangan Abu Lu'luah yang beragama Majusi itu.Tetapi Syiah sebaliknya merasa gembira dengan tragedi itu. Mereka menggelarkan Abu Lu'luah dengan *Baba Syuja'uddin* (Wira Agama) sebagai menghargai keberaniannya kerana membunuh Umar al-Khattab. (Dihlawi 1373h: 455)

Ali bin Muzahir al-Wasiti meriwayatkan daripada Ahmad ibn Ishaq (seorang tokoh Syiah di Qum dan dianggap telah mendapat kehormatan yang besar kerana bertemu dengan Imam Hasan al-Askari, Imam kesebelas Syiah) bahawa dia berkata,”*Hari ini (hari Abu Lu'luah membunuh Sayyidina Umar) adalah hari raya besar, hari kebangsaan, hari berkat dan hari hiburan*”. (Dihlawi 1373H: 209)

Persoalannya adakah Syiah benar-benar ikhlas memperjuangkan isu al-Quds sedangkan dalam masa yang sama membenci bapa kemerdekaan al-Quds?

Adakah Syiah mengiktiraf kewujudan Masjid al-Aqsa di Palestin itu sebagai tempat suci Islam yang ketiga?

Pada hakikatnya, Syiah bukan sahaja tidak mengiktiraf Masjid al-Aqsa sebagai tempat suci Islam yang ketiga, malah Syiah tidak pernah mengiktirafkan Masjid al-Aqsa yang terdapat di Palestin itu!

Dalam buku berjudul *al-Sahih Min Sirah al-Nabiyy al-A'zham* yang dikarang oleh ulama Syiah mutakhir, iaitu Ja'far Murtada al-'Amili, beliau mendakwa dengan jelas bahawa ketika Umar al-Khattab masuk ke Baitul Maqdis, tiada sebuah pun masjid di situ, lebih-lebih lagi masjid yang dinamakan al-Aqsa. (Al-'Amili 2006: 3/137) Malah beliau dengan tegas mengatakan bahawa Masjid al-Aqsa yang menjadi tempat berlakunya Isra' dan diberkati itu tempatnya adalah di langit. (Al-'Amili 2006: 3:128-129)

Ulama besar Syiah ini juga telah mengarang sebuah lagi kitab khusus berkenaan isu ini berjudul *al-Masjid al-Aqsa, Ayna?* bermaksud “Masjid al-Aqsa di mana?” yang membentangkan riwayat-riwayat daripada pelbagai sumber Syiah bagi membuktikan bahawa Masjid al-Aqsa itu kedudukannya bukan di Palestin sebaliknya di atas langit.

Antaranya adalah apa yang diriwayatkan oleh Abu Abdillah bahawa beliau berkata:

“Saya bertanya padanya tentang masjid-masjid yang utama, beliau berkata:al-Haram dan Masjid Nabawi. Lalu saya bertanya: Bagaimana dengan Masjid al-Aqsa, beliau menjawab bahawa itu berada di langit ketika Nabi SAW melakukan Isra’. Lalu saya bertanya: Tetapi orang-orang berkata bahawa itu berada di Baitul Maqdis? Beliau menjawab:Masjid di Kufah lebih baik daripada itu!” (Al-Majlisi 1403H: 90/22)

Perkara ini juga disebut dalam kitab-kitab tafsir Syiah ketika mentafsirkan ayat pertama dalam surah al-Isra’ seperti *Tafsir al-Safi* karangan al-Kasyani, *Tafsir Nur al-Thaqalain* karangan al-Huwaizi, *Tafsir al-Iyashi* karangan Ibn ‘Iyash, *al-Burhan fi Tafsir al-Qur’an* karangan al-Bahrani dan *Bayan al-Sa’adah* karangan al-Janabazi. Kesemua kitab ini mengemukakan tafsiran Masjid al-Aqsa itu terletak di langit bahkan di langit keempat. Manakala Masjid Kufah dikatakan lebih utama berbanding Masjid al-Aqsa yang terletak di Baitul Maqdis itu.

Di manakah bumi atau tempat yang paling suci menurut Syiah?

Bumi atau tempat yang paling suci di sisi Syiah adalah tanah Karbala yang terletak di Iraq. Ia merupakan tempat persemadian jasad Sayyidina Husain dan dianggap sebagai tanah suci sehingga dijadikan tempat sujud oleh penganut

Syiah. Keutamaan seperti ini tidak wujud pada tanah-tanah yang lain termasuk tanah Makkah dan Madinah yang menjadi tempat pemakaman Rasulullah S.AW..Antara riwayat-riwayat yang menunjukkan kelebihan tanah Karbala adalah seperti berikut:

“Allah akan menjadikan Karbala sebagai pusat dan tempat berkumpul para malaikat dan orang-orang mukmin. Ia akan memiliki kemulian, akan tersebar padanya berbagai keberkatan. Seandainya seseorang berdoa di sana kepada Rabb-nya, nescaya Allah akan memberikan dengan satu doa sahaja seribu kali lipat kerajaan dunia. Berbagai tempat di bumi saling berbangga, Ka’bah yang di tanah haram berbangga di atas Karbala. Maka Allah wahyukan kepadanya: Wahai Ka’bah tanah haram diamlah engkau! Jangan engkau berbangga diatas Karbala! Sesungguhnya dia bumi yang penuh berkat”. (Al-Majlisi 1403H: 53/12; Al-Mufid 1413H: 23; Al-Tusi 1407H: 6:72)

Dalam riwayat Syiah yang lain disebutkan, “Allah telah menciptakan padang Karbala sebelum menciptakan bumi Ka’bah (kota suci Makkah) selama dua puluh empat ribu tahun. Ia (Karbala) telah suci dan berkat sebelum penciptaan para makhluk. Ia senantiasa demikian sampai Allah jadikan ia sebagai tempat yang paling afdhal (mulia) di dalam syurga”. (Al-Majlisi 1403H: 54/202)

Adakah pengikut Syiah Imam 12 itu kafir murtad?

Para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah telah bersepakat bahawa Syiah Imam 12 adalah kumpulan bid'ah yang sesat, namun mereka berbeza pendapat sama ada Syiah Imam 12 itu telah murtad atau tidak sebagaimana kumpulan Qadianiyah dan Bahaiyah. Khilaf yang berlaku di kalangan ulama adalah berpunca daripada pengetahuan mereka yang berbeza-beza mengenai Syiah. Di samping itu, Syiah Imam 12 juga terkenal dengan sifat *taqiyyah* yang menyukarkan para ulama untuk membuat keputusan muktamad ke atas ajaran mereka.

Justeru, secara umum kita mengatakan bahawa Syiah Imam 12 adalah termasuk ke dalam kumpulan bid'ah sesat yang boleh membawa kepada kekufuran. Namun begitu, hukum untuk menentukan seseorang individu yang menganut Syiah itu telah murtad atau tidak, ia tertakluk di bawah tanggungjawab pihak pemerintah atau keputusan hakim di mahkamah. Wallahu a'lam.

Benarkah wujudnya Syiah yang paling hampir dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah?

Benar, ini sebagaimana yang disifatkan oleh Muhammad Abu Zahrah bahawa Zaidiyyah adalah pecahan Syiah yang terhampir dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan paling sederhana. Ikutan mereka terhadap Imam Zaid bin Ali tidak

dipengaruhi oleh fahaman melampau seperti menafikan kekhilafahan Abu Bakar dan Umar, mempercayai kemaksuman imam, mengkafirkan sahabat dan lain-lain, walaupun mereka berpandangan bahawa Sayyidina Ali lebih utama berbanding para sahabat yang lain.

Namun begitu, pendirian ini tidak boleh ditujukan kepada semua yang mengaku Zaidiyyah. Ini kerana menurut Muhammad Abu Zahrah, kebanyakannya Zaidiyyah yang terkemudian telah termasuk dalam golongan Rafidhah. Mereka tidak lagi menerima konsep keimaman yang kurang afdhal (*imamah al-mafdhul*) sebaliknya mereka menolak kekhilafahan Abu Bakar dan Umar, lalu mereka berlawanan dengan pandangan golongan Zaidiyyah yang terawal. (Abu Zahrah : 44)

Walau bagaimanapun, jika mahu diterima juga akan kewujudan mazhab Zaidiyyah, perlu diingat bahawa golongan Zaidiyyah sebenarnya tidak wujud sama sekali di Malaysia. Jika wujud mereka yang mendakwa Zaidiyyah, penelitian perlu dilakukan sama ada mereka itu benar-benar Zaidiyyah atau Rafidhah. Realiti di Yaman masa kini menyaksikan telah ramai penganut Syiah Zaidiyyah yang bertukar menjadi penganut Syiah Imam 12 atau Rafidhah. Kebanyakannya hanya memakai topeng Zaidiyyah, tetapi anutan di sebaliknya adalah aqidah Syiah Imam 12 untuk mengelabui mata penganut Sunni. Maka berhati-hatilah!

Apa kaitan Khomeini dan Khomeinisme dengan Syiah?

Sebagaimana jawapan sebelum ini, Syiah pertama yang masuk ke Malaysia dalam bentuk pakej sebuah mazhab seperti Ahli Sunnah Wal-Jamaah ialah Syiah Imam 12 yang berasal dari Iran. Ia berlaku sejurus selepas Revolusi Iran 1979 yang digagaskan oleh seorang tokoh besar Syiah di Iran bernama Ruhollah bin Mostafa bin Musavi al-Khomeini. Antara sumbangan besar Khomeini dalam mengukuhkan fahaman Syiah di Iran ialah dengan meminda Perlembagaan Iran. Dalam Perkara 12 Perlembagaan Iran memaktubkan bahawa, “*Agama rasmi Iran adalah Islam Mazhab Ja’fari (Imam) 12, prinsip ini kekal sampai bila-bila dan tidak boleh menerima perubahan*”. Oleh sebab itu, Revolusi 1979 lebih layak digelar Revolusi Syiah berbanding disebut sebagai Revolusi Islam seperti yang dicanangkan oleh Khomeini.

Selain itu, Khomeini juga berjaya mengubah persepsi umat Islam Ahli Sunnah Wal-Jamaah terhadap fahaman Syiah. Jika dahulu, para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah telah sepakat bahawa Syiah adalah kumpulan bid’ah yang sesat, namun fakta ini cuba diubah oleh Khomeini dengan melancarkan beberapa gagasan yang berupaya mengubah persepsi Ahli Sunnah Wal-Jamaah terhadap Syiah. Antaranya adalah menerusi tiga perkara berikut:

- a) Khomeini cuba menggambarkan bahawa Syiah adalah sebuah gerakan Islam yang berjaya menumbangkan sebuah

kerajaan sekular yang menolak pelaksanaan hukum Islam - Fakta ini palsu kerana Khomeini ketika ingin menumbangkan Shah Iran telah bekerjasama dengan semua pihak termasuk Komunis, Sosialis, Nasionalis dan Sunni. Namun setelah mereka berjaya, tembelang Khomeini terserlah apabila beberapa pindaan telah dilakukan terhadap Perlembagaan Iran dengan tujuan mengukuhkan Syiah. Justeru, gerakan Khomeini adalah gerakan Syiah bukan gerakan Islam;

- b) Khomeini mengajak Sunni dan Syiah agar bersatu padu demi mempertahankan Masjid al-Aqsa di Palestin – Fakta ini jelas palsu berdasarkan jawapan yang telah dikemukakan pada soalan ;
- c) Khomeini cuba menjadikan Syiah sebagai sebuah mazhab yang sah dan setaraf dengan mazhab-mazhab yang terdapat dalam Ahli Sunnah Wal-Jamaah – Fakta ini juga palsu kerana Syiah bukanlah sebuah mazhab fiqh di sisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebaliknya perbahasan Syiah termasuk dalam persoalan *firaq* iaitu kumpulan-kumpulan pecahan Islam yang terkeluar daripada kebenaran.

Berasaskan tiga gagasan ini, Khomeini telah berjaya membentuk kumpulan-kumpulan dan tokoh-tokoh gerakan Islam di kalangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang pro-Khomeinisme di seluruh dunia termasuk Malaysia. Walaupun mungkin kumpulan-kumpulan atau tokoh-tokoh tersebut masih kekal Sunni, namun

mereka dilihat sangat mesra Syiah bahkan menganggap Syiah sebuah mazhab yang hanya berbeza dengan Sunni pada permasalahan cabang.

Segala pertelingkahan yang berlaku melibatkan Sunni dan Syiah hanya dianggap mainan Barat untuk memecahbelahkan umat Islam dan bukan berpunca daripada perbezaan prinsip aqidah antara Sunni dan Syiah. Manakala tokoh-tokoh ulama dan pemimpin Iran sentiasa menjadi rujukan dan model ikutan mereka terutamanya dalam menanggapi isu-isu antarabangsa.

Hari ini, golongan Khomeinisme boleh dianggap sebagai ancaman besar kepada kelangsungan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Mereka adalah ibarat gunting dalam lipatan kerana menghalalkan ajaran Syiah di tengah-tengah masyarakat Sunni atas alasan ia hanya sekadar satu mazhab, sedangkan Syiah jelas merupakan ajaran yang tidak akan tertegak kecuali dengan meruntuhkan Ahli Sunah Wal-Jamaah.

Benarkah Risalah Amman 2005 (Amman Message 2005) membawa maksud bahawa Syiah harus untuk diamal dan disebarluaskan?

Tidak benar. Berdasarkan kenyataan yang terdapat dalam Risalah Amman 2005, dapat disimpulkan seperti berikut:

- a) Kenyataan yang terkandung dalam Risalah Amman 2005 adalah bersifat politik dan bukan fatwa agama kerana

mereka yang terlibat dalam pengeluaran risalah ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan bukan golongan ulama semata-mata. Risalah ini juga tidak menyertakan kajian terperinci terhadap doktrin setiap aliran yang disebutkan sebelum mengeluarkan sebarang fatwa, ini menunjukkan ia lebih bersifat politik berbanding fatwa agama.

- b) Risalah Amman 2005 hanya menghukum setiap aliran secara umum dengan mengatakan Ahli Sunnah, Ibadhiyah, Ja'fariyah dan Zaidiyah adalah muslim. Walhal istilah "muslim" memiliki konotasi yang pelbagai seperti muslim yang taat, muslim yang fasiq, muslim yang mutbadi' (ahli bid'ah sesat) dan muslim yang murtad. Justeru, risalah tersebut tetap mengikat kemusliman sesuatu kumpulan dengan sejauh mana penerimaannya terhadap rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara yang wajib dimaklumi dalam agama. Oleh itu, Syiah Rafidhah tidak termasuk dalam maksud risalah tersebut kerana pertentangan mereka terhadap rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara yang wajib dimaklumi dalam agama.
- c) Tiada suatu pun ayat di dalam Risalah Amman 2005 yang mengiktiraf Syiah Rafidhah sebagai sebuah mazhab yang sah, sebaliknya istilah yang digunakan adalah Mazhab Ja'fari. Ia sebenarnya merujuk kepada mazhab Imam Ja'far al-Sadiq dari sudut fiqh. Seperti yang sedia maklum, Imam Ja'far al-Sadiq adalah salah seorang imam Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang berketurunan Rasulullah SAW dan tiada kena mengena dengan Syiah Rafidhah.

- d) Syeikh al-Azhar selaku wakil ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah dalam muqaddimah yang beliau sampaikan dalam Risalah Amman 2005 telah memaktubkan, antara syarat-syarat seseorang itu digelar muslim hendaklah menghormati para sahabat r.a.h. Dalam hal ini, jelas pihak Syiah Rafidhah tidak termasuk dalam golongan yang menghormati para sahabat r.a.h kerana mereka adalah golongan yang paling keras menolak bahkan mencaci maki para sahabat r.a.h.
- e) Bukti jelas bahawa Risalah Amman 2005 tidak bermaksud kesahihan pegangan Syiah seperti yang didakwa, adalah pendirian Syeikh Yusof al-Qaradawi dan para ulama al-Azhar yang menentang fahaman Syiah. Walaupun al-Qaradawi telah menandatangani dokumen risalah tersebut, namun beliau tetap bertegas dan lantang mengatakan Syiah termasuk dalam kumpulan bid'ah yang sesat. Begitu juga pendirian para ulama al-Azhar yang tetap bertegas dan tidak mengizinkan sebarang bentuk penyebaran Syiah di Mesir.
- f) Pengharaman Syiah di Malaysia adalah persoalan dalaman yang difatwakan berdasarkan kajian ke atas *waqi'* atau realiti Syiah yang wujud di Malaysia yang terdiri daripada golongan Rafidhah. Oleh itu, sebarang fatwa atau pendirian ulama dari luar negara hanya terpakai selagi mana ia tidak bercanggah dengan mana-mana keputusan yang telah difatwakan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia.

Kesimpulannya, golongan Syiah di Malaysia cuba mengeksploitasi Risalah Amman 2005 untuk menjustifikasi kesahihan pegangan mereka sedangkan para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah sejak sekian lama telah memasukkan mereka terdiri di kalangan kumpulan bid'ah yang sesat lagi menyesatkan berdasarkan kajian terperinci terhadap pegangan aqidah dan syariah mereka.

Benarkah Syeikh Mahmud Syaltut mengharuskan beribadah dengan mazhab Syiah?

Tidak benar sama sekali. Pengarang sendiri pernah bertanya kepada Prof. Dr. Abdul Fattah Syaikh, bekas Rektor Universiti al-Azhar dan Ahli Jawatankuasa Kajian Islam al-Azhar³ tentang fatwa tersebut lalu beliau menafikan dan mengatakan bahawa fatwa tersebut tidak wujud.

Al-Imam Dr. Yusof al-Qaradawi, Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia beberapa kali menegaskan bahawa tidak wujud fatwa tersebut sebaliknya ia adalah penipuan dan pembohongan ke atas Syeikh Syaltut. Al-Qaradawi menjelaskan beliau adalah orang yang paling mengetahui tentang khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh Syeikh Syaltut kerana beliau pernah

³ Pengarang bertanya secara langsung kepada beliau ketika sedang menghadiri Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Universiti al-Azhar selama tiga bulan pada tahun 2009.

melazimnya, di samping menjadi penyusun dan pengumpul kepada fatwa-fatwanya.

Namun, sepanjang mengenali dan bergaul dengan Syeikh Syaltut beliau tidak pernah mendengar Syeikh Syaltut mengeluarkan fatwa keharusan beribadah dengan ajaran Syiah. Di samping itu, rakan baik beliau yang turut terlibat dalam menyusun karya-karya Syeikh Syaltut, iaitu Dr. Ahmad al-Assal juga bersetuju dengan pandangan al-Qaradawi dan mengatakan bahawa mustahil untuk mengatakan ajaran yang memaksumkan para imam sebagai sahih kerana ia bertentangan dengan syariat. (Lihat: www.qaradawi.net/news/537/html)

Di samping itu, terdapat kenyataan rasmi daripada Dekan Pengajian Islam dan Arab, Universiti al-Azhar, Prof. Dr. Husain Muhammad Mahmud Abdul Muttalib yang mengatakan ketidakharusan untuk beribadat dengan ajaran yang mengkafirkan para sahabat, menyelewengkan al-Qur'an dan mentohmah Umm al-Mukminin Aisyah r.a.h.. Dalam kenyataan yang sama, beliau juga menafikan fatwa yang disandarkan kepada Syeikh Syaltut tentang keharusan beribadah dengan ajaran Syiah. Jika fatwa itu benar sekalipun, ia bukan fatwa rasmi al-Azhar, sebaliknya pandangan peribadi Syeikh Syaltut. ([www.alwafid.org/222965-%D9%86%D9%81%D9%87%D8%A7%D8%AA%D8%AA-%D8%AD%D9%88%D9%85%D9%8A%D9%87-%D8%DF%D9%8A%D9%82%D9%8A%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%87](http://www.alwafid.org/222965-%D9%86%D9%81%D9%87%D8%A7%D8%AA%D8%B1-%D8%AD%D9%88%D9%85%D9%8A%D9%87-%D8%AF%D9%8A%D9%82%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%87))

Walau bagaimanapun, pendapat yang mengatakan fatwa tersebut tidak benar dan tidak wujud adalah lebih kuat berdasarkan dua perkara:

- a) Pertama, berasaskan kredibiliti kertas yang didakwa fatwa Syeikh Syaltut yang diedarkan secara meluas di dalam internet. Kertas fatwa tersebut langsung tidak memaktubkan tarikh fatwa, bilangan fatwa dan cop Universiti al-Azhar. Oleh itu, kertas tersebut tidak mempunyai wibawa yang kukuh untuk dipertanggungjawabkan dan ia terbuka kepada pemalsuan dan pembohongan.
- b) Kedua, berdasarkan fatwa Syeikh Syaltut yang mengatakan bahawa pernikahan Mut'ah bukan sebahagian daripada syariat Islam sedangkan ia dihalalkan oleh golongan Syiah. Ini menunjukkan Syeikh Syaltut sedar bahawa Syiah merupakan satu ajaran yang batil dan bukan sebahagian daripada mazhab Islam yang diharuskan untuk beribadah dengannya. (Syaltut 2001: 275)

Apakah pendirian Universiti al-Azhar dan para masyayikh al-Azhar terhadap Syiah?

Pendirian Universiti al-Azhar boleh dilihat menerusi kenyataan-kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh para ulama al-Azhar berkenaan dengan Syiah. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Syeikh al-Azhar, Dr. Ahmad Tayyib mengingatkan golongan Syiah pada 25 Julai 2011 bahawa al-Azhar sentiasa memantau gerakan mensyiahkan (*tasyyi'*) penganut sunni seperti yang berlaku di dunia Islam Sunni pada hari ini. Syeikh al-

Azhar menegaskan bahawa jika Syiah ingin menjalinkan hubungan yang baik antara Sunni-Syiah maka jangan sekali-kali melangkaui GARIS MERAH yang sedia wujud dalam Ahli Sunnah iaitu tidak mengutuk dan mengeji para sahabah r.h.m termasuk Ummul Mu'minin A'isyah r.a.h yang memiliki kedudukan tinggi dan dimuliakan oleh Ahli Sunnah. (<http://islamtoday.net/albasheer/artshow-12-153829.htm>)

- b) Syeikh al-Azhar terdahulu, al-Marhum Dr. Muhammad Sayid Tantawi telah manafikan kewujudan Syiah sebagai sebuah mazhab di Mesir sambil menegaskan bahawa Mesir adalah sebuah negara berfahaman Sunni dan sebarang penyebaran Syiah di Mesir akan ditentang oleh al-Azhar. (Jama'ah min al-'ulama' 2011: 100)
- c) Syeikh al-Azhar terdahulu, al-Marhum Syeikh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq menyatakan dalam kitab *Bayan li al-Nas min al-Azhar al-Syarif hawl al-Syi'ah* berkenaan beberapa pegangan golongan Syiah Imam 12 yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti mengkafirkan sahabat dan melaknat mereka, mendakwa al-Qur'an yang wujud sekarang tidak lengkap, menolak setiap riwayat yang datang selain daripada imam-imam mereka yang dianggap maksum, berpura-pura (*taqiyah*) dan mendakwa jihad tidak lagi disyariatkan pada zaman keghaiban imam. (Jama'ah min al-'ulama' 2011: 21-24)

- d) Bekas Mufti Mesir terdahulu, Syeikh Hasnain Makhluf menjelaskan kebatilan beberapa aqidah Syiah Imam 12 yang tidak pernah diperakui oleh Islam seperti kemaksuman para imam, pembatasan imam kepada Ahlul Bait yang dua belas orang, wasiat kepada Ali dengan nas yang terang, keghaiban Imam Mahdi dan lain-lain. (*Jama'ah min al-'ulama'* 2011: 38-39)
- e) Anggota Jawatankuasa Ulama Besar Mesir merangkap profesor syariah di Universiti al-Azhar, Syeikh Muhammad Arafah dalam muqaddimah kitab *al-Wasyi'ah fi Naqd 'Aqa'id al-Syi'ah*, menegaskan bahawa yang sebenarnya adalah berpihak kepada para ulama kita yang mengharamkan bertaqlid dengan ajaran Syiah. (*Jama'ah min al-'ulama'* 2011: 55-73)
- f) Jabhah Ulama al-Azhar pernah mengeluarkan kenyataan bahawa perbezaan Sunnah dan Syiah khususnya golongan Rafidhah adalah khilaf pada permasalahan usuluddin lebih-lebih lagi pada masalah cabangnya. Sehubungan itu, telah sampai masanya untuk menjelaskan kepada para ulama dan menyedarkan para pemimpin tentang bahaya gerakan Syiah yang bertujuan bagi mensyiahkan umat Ahli Sunnah. (*Sawwaj* 2010: 306)
- g) Dalam tesis sarjana di Universiti al-Azhar seliaan Prof. Dr. Abdullah Ali Samak, Ketua Jabatan Agama dan Mazhab,

Kuliah Dakwah al-Azhar, berjudul *Mauqif al-Azhar min al-Shi'ah al-Ithna 'Ashariyyah* (Pendirian al-Azhar terhadap Syiah Imam 12) di bawah tajuk *al-Hukmu 'alayhim* (Hukum ke atas mereka) telah merumuskan bahawa, “Pertama: Tidak syak lagi bahawa Syiah Imam 12 termasuk dalam kumpulan sesat dan agama yang rosak. Kedua: Syiah Imam 12 telah keluar dengan aqidah-aqidah mereka yang melampau dan ekstrem daripada batasan yg boleh diterima. Ketiga: Telah sabit pendirian majoriti Salaf dan kebanyakannya ulama (Khalaf) tentang kekafiran kumpulan ini dan ia dimasukkan sebagai kelompok pelampau yang terkeluar daripada Islam. Keempat: Ketidakharusan menikahi golongan Rawafidh, oleh sebab ketiadaan *kafa'ah* (kesepadan), juga penyelewengan-penyelewangan mereka dan terkeluarnya daripada agama umat Islam”. (Sawwaj 2010: 320)

Mungkinkah berlaku taqrib iaitu penyatuan antara Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Syiah?

Usaha *taqrib* pernah diusahakan oleh Syeikh Mahmud Syaltut ketika beliau menjadi Syeikh al-Azhar. Namun ianya gagal dan terbengkalai begitu sahaja. Usaha ini diikhtiarkan kembali oleh Persatuan Ulama Sedunia di bawah pimpinan Dr. Yusuf al-Qaradawi.

Namun ia sesuatu yang amat mustahil. Al-Qaradawi memberi syarat isu mengutuk sahabat hendaklah diselesaikan

terlebih dahulu. Tanpa penyelesaian kepada masalah tersebut, titik pertemuan sukar dicari. Mana mungkin berdialog dengan mereka yang masih mengutuk dan memfitnah Abu Bakar, Umar, Uthman, Aisyah, Hafsa, Mu'awiyah, Talhah, Zubair dan lain-lain yang merupakan para isteri dan sahabat Rasulullah SAW.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh al-Qaradawi adalah berkenaan ketidakjujuran puak Syiah. Mengapa dalam ketika Syiah begitu ghairah menuntut penyatuan dengan pihak Sunni namun dalam masa yang sama terus melancarkan dakyah kepada penganut Sunni? Apakah seruan *taqrib* hanya dijadikan alat untuk memudahkan mereka menyebarluaskan Syiah tanpa tentangan daripada pihak Sunni?

Sebenarnya usaha untuk mendekatkan Sunni dan Syiah diragui oleh kebanyakan ulama. Ini kerana, sejarah membuktikan inisiatif *taqrib* yang cuba dilakukan hanya menemui jalan buntu. Dr. Muhammad Imarah, seorang cendekiawan Islam Mesir beraliran sederhana yang suatu ketika dahulu pernah mendukung usaha *taqrib* juga akhirnya pasrah. Dalam makalah beliau akhir-akhir ini, usaha pendekatan Sunni-Syiah dirumuskan sebagai hampir mustahil.

Kegagalan ini adalah kerana sikap Syiah yang terus menerus berpegang kepada aqidah *taqiyyah* (berpura-pura dalam beriktikad). Hal ini sebagaimana yang dimuktamadkan dalam sumber-sumber utama Syiah sendiri. Dalam kitab *al-Kafi*,

al-Kulaini meriwayatkan hadis palsu yang menyebut bahawa tidak beriman seseorang yang tidak melakukan *taqiyyah*. Ini amat menghairankan, bagaimana suatu kepercayaan yang dipelajari, kemudian boleh dikhianati dengan lisan sendiri.

Dalam pertemuan Syeikh al-Azhar, Prof. Dr. Ahmad al-Tayyib dengan Presiden Iran, Mahmud Ahmadinejad, di *Masyikhatul Azhar* pada 6 Februari 2013, beliau menegaskan:

“Meskipun para ulama besar al-Azhar terdahulu pernah terlibat di dalam pelbagai muktamar penyatuan Islam antara Sunni dan Syiah untuk melenyapkan fitnah yang memecah belahkan ummah, penting saya tekankan bahawa seluruh muktamar itu ternyata hanya menyebelahi kepentingan puak Syiah (Imamiyah) dan mengorbankan kepentingan, aqidah dan simbol-simbol Ahli Sunnah, sehingga usaha taqrib itu hilang kepercayaan dan kredibilitinya seperti yang kami harapkan. Kami juga sangat menyesali celaan dan penghinaan terhadap para sahabat dan isteri Nabi SAW yang terus menerus kami dengar dari golongan Syiah, yang tentu sahaja hal itu amat ditolak oleh kami. Perkara serius lainnya yang kami tolak adalah usaha penyusupan penyebaran Syiah di tengah-tengah masyarakat muslim di negara-negara Sunni”.

Selain itu Syeikh al-Azhar turut menyentuh keadaan penganut Ahli Sunnah di Iran yang amat memilukan. Beliau mengatakan:

“Ramai daripada mereka yang mengadukan kepada kami keadaan dan hak-hak mereka. Saya memandang, tidak boleh hak-hak warga negara didiskriminasi dan diperkecilkan seperti yang telah disepakati dalam sistem politik moden dan diatur oleh syariat Islam”.

Manakala Syeikh al-Qaradawi pula pernah mengulas pandangan gurunya Syeikh Mahmud Syaltut berkenaan usaha taqrib Sunni dan Syiah, beliau mengatakan:

“Pada tahun 60-an yang lampau, Syeikh Mahmud Syaltut sebagai Syeikh Al-Azhar telah mengeluarkan fatwa yang membolehkan beribadah dengan mazhab Ja’fari. Dengan alasan di dalam perbahasan fiqhnya lebih mendekati kepada Mazhab Ahli Sunnah, kecuali ada perbezaan sedikit sahaja yang tidak menjadi alasan untuk melarang beribadah dengan mazhab Ja’fari secara keseluruhan, seperti dalam hal salat, puasa, zakat, haji dan muamalah. Akan tetapi fatwa ini tidak pernah dibukukan dalam Himpunan Fatwa Syaltut. Fatwa Syeikh Syaltut ini sebagaimana yang disebutkan tidak meliputi permasalahan aqidah dan usuluddin (pokok-pokok agama Islam) yang di dalamnya mengandungi perbezaan yang sangat jelas antara Ahli Sunnah dan Syi’ah.

Contohnya dalam hal imamah, 12 imam Syiah, kemaksuman imam, pengetahuan mereka terhadap

hal ghaib dan kedudukan mereka yang tidak mampu mencapainya walaupun oleh malaikat yang sangat dekat (dengan Allah SWT) dan tidak juga oleh nabi yang diutus. Mereka beranggapan bahawa masalah ini adalah masalah penting yang termasuk masalah usuluddin. Tidak sah iman dan Islam seseorang kecuali dengan mengimani masalah ini. Orang yang menolaknya dianggap kafir, akan kekal di neraka. Juga contoh lainnya, iaitu aqidah orang-orang Syiah terhadap para sahabat dan hal-hal lainnya yang mereka anggap sebagai pokok-pokok agama mereka”.

(Al-Qaradawi 2009: 4/279)

Kesimpulannya, mustahil berlaku *taqrib* antara Sunni dan Syiah kerana perbezaan antara kedua-duanya adalah melibatkan soal prinsip-prinsip agama. Sedangkan seruan Syiah untuk mengajak Sunni berlapang dada dengan mereka hanyalah sekadar senjata untuk menyusupkan ajaran mereka ke tengah-tengah penganut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Bagaimana pendirian para ulama Asha'irah-Maturidiyyah terhadap Syiah?

Sejak sekian lama, para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah sama ada daripada madrasah Salafiyyah mahupun madrasah Asha'irah-Maturidiyyah, kesemua mereka sepakat bahawa Syiah adalah ajaran yang bid'ah. Adalah tidak benar dakwaan Syiah kononnya mereka tidak bermasalah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah

daripada golongan Asha'irah-Maturidiyyah, sebaliknya hanya golongan Salafiyyah yang sering menggembarkan isu kesesatan Syiah.

Dakwaan Syiah ini sebenarnya satu pembohongan kerana para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah tanpa mengira daripada madrasah atau aliran mana sekalipun, kesemua mereka sepakat menolak Syiah dan golongan Syiah dianggap sebagai ahli bid'ah yang sesat. Antaranya apa yang dikemukakan dalam fatwa para ulama Salaf dan Khalaf berikut:

- a) Al-Zahabi menukilkhan riwayat bahawa Imam Malik pernah ditanya tentang Rafidhah (Syiah) lalu beliau menjawab, “*Jangan bercakap dengan mereka dan jangan meriwayatkan apa-apa daripada mereka kerana sesungguhnya mereka adalah pembohong*”. (Al-Zahabi 1995: 1/146)
- b) Al-Baihaqi menukilkhan riwayat daripada Harmalah bahawa beliau Imam al-Syafie berkata, “*Aku tidak pernah melihat seorang yang lebih dusta penyaksianya daripada Rafidhah (Syiah)*”. (Al-Baihaqi 1994: 10/208)
- c) Imam al-Isfirayini di dalam kitabnya al-Tabsir Fi al-Din menyebut: “*Ketahuilah, bahawa semua golongan Imamiyyah yang telah kami sebutkan di atas sekata dalam mengkafirkan para sahabat dan mereka mendakwa bahawa al-Qur'an yang ada ini telah diubah daripada*

keadaan sebenarnya. Di dalamnya telah dilakukan banyak tokoh tambah oleh pihak sahabat. Mereka menganggap di dalam al-Qur'an yang asal ada nas yang jelas tentang keimaman (Imamah) Ali tetapi telah digugurkan (dibuangkan) oleh sahabat nas itu. Mereka menganggap al-Qur'an yang ada sekarang tidak boleh dipegang lagi. Begitu juga dengan hadith-hadith yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW (oleh orang lain selain dari golongan mereka). Mereka menganggap bahawa syariat yang dipakai oleh umat Islam sekarang tidak boleh dipakai lagi dan mereka menanti seorang imam yang mereka namakan sebagai al-Mahdi yang akan keluar mengajarkan syariat yang sebenarnya. Sedangkan mereka sedikitpun tidak berada di atas landasan agama yang benar. Tujuan mereka dari ungkapan-ungkapan seumpama ini tidaklah untuk memastikan urusan Imamah tetapi matlamat sebenarnya tidak lain ialah untuk menggugurkan segala bebanan syariat daripada diri mereka agar mereka dapat menghalalkan segala apa yang diharamkan oleh syarak dengan sepas hati mereka dengan alasan syariat yang ada sekarang sudah diselewengkan dan al-Qur'an yang wujud pada orang ramai telahpun diubah oleh sahabat. Tidak ada lagi kekufuran yang lebih dahsyat dari kekufuran seumpama ini kerana fahaman-fahaman dan ajaran-ajaran yang seumpama ini tidak akan dapat mengekalkan seseorang di atas satu pun ajaran agama". (Al-Isfirayini 1983: 41)

- d) Qadhi ‘Iyadh al-Maliki di dalam Kitab al-Syifa berkata: “*Begitu juga kita menghukum putus tentang kufurnya golongan pelampau Rafidhah yang berfahaman para imam lebih utama daripada para nabi*”. (Al-Qadhi Iyadh: 2/240)
- e) Imam al-Subki menukilkan fatwa daripada para ulama mazhab Hanafi bahawa Imam Abu Hanifah berpegang kepada sesiapa yang memungkiri khilafah Abu Bakar al-Siddiq r.a. maka ia kafir. Pada zahirnya mereka mengambil fatwa tersebut daripada imam mereka yakni Abu Hanifah r.a. kerana beliau seorang yang paling mengetahui tentang Rawafidh memandangkan beliau sendiri berasal dari Kufah sedangkan Kufah merupakan tempat terbitnya Syiah.(Al-Subki: 2/587-588)
- f) Imam al-Sam’ani pula telah menghukumkan kekafiran Syi‘ah yang mengkafirkan para sahabat besar ketika beliau menulis di dalam bukunya al-Ansab: “*Di antara golongan Imamiyyah, ada yang menganggap imam-imam ditentukan berdasarkan nas. Mereka mengkafirkan orang-orang yang tidak berbai‘ah kepada Ali. Kita pula mengkafirkan mereka kerana mereka telah mengkafirkan para sahabat pilihan malah kita akan berkata kepada mereka: Bahawa sekiranya Abu Bakar dan Umar kafir, tentu Ali juga kafir atau fasiq kerana telah mengahwinkan anaknya Ummu Kulthum dengan Sayyidina Umar.*” (Al-Sam’ani 1998: 1/207)

- g) Ibn ‘Abidin menulis di dalam bukunya Radd al-Muhtar: “*Dari itu jelaslah seseorang Rafidhi akan menjadi kafir kerana menyalahi dharuriyyat al-din jika ia mempercayai Ali mempunyai sifat-sifat ketuhanan atau Jibril tersalah di dalam menyampaikan wahyu, atau ia menolak hubungan persahabatan Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq dengan Rasulullah SAW (tidak menganggap beliau sebagai sahabat Rasulullah SAW) atau dia menuduh Sayyidatina Aisyah r.a. (dengan sesuatu pekerti yang buruk setelah Allah SWT membersihkannya)*”. (Ibn ‘Abidin 2000: 3/46)
- h) Ibn al-Humam di dalam kitabnya, Syarh Fath al-Qadir, Bab al-Imamah menulis: “*Rawafidh yang mengutamakan Sayyidina Ali daripada tiga orang khulafa sebelumnya adalah ahli bid’ah. Sekiranya mereka menolak kekhilafahan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq atau kekhilafahan Sayyidina Umar r.a. maka mereka adalah kafir*”. (Ibn al-Humam: 1/350)

Berikut disenaraikan karya-karya para ulama yang telah mengarang berkenaan doktrin Syiah yang dikategorikan oleh mereka sebagai ahli bid’ah yang sesat:

1. Maqalat al-Islamiyyin wa al-Ikhtilaf al-Musollin, Abu al-Hasan al-Ash’ari (w.324H)
2. Al-Tanbih wa al-Radd ‘ala Ahl al-Ahwa’ wa al-Bida’, Abu al-Hasan Muhammad bin Ahmad al-Malti (w.377H)

3. Al-Farq bayna al-Firaq, Abdul Qahir al-Baghdadi (w.429H)
4. Al-Imamah wa al-Radd ‘ala al-Rafidhah, Abu Nu’aim al-Asbahani (w.430H)
5. Al-Tabsir fi al-Din wa Tamyiz Firqat al-Najiyah ‘an al-Firaq al-Halikin, Tohir bin Muhammad al-Isfirayini (w.471H)
6. Al-Ghunya fi Usul al-Din, Abu Sa’id al-Naisaburi (w.478H)
7. Fadha’ih al-Batinyyah, Abu Hamid al-Ghazali (w.505H)
8. Al-Iqtisad fi al-I’tiqad, Abu Hamid al-Ghazali (w.505H)
9. Nihayat al-Iqdam fi ‘ilm al-Kalam, al-Shahrastani (w.548H)
10. Al-Milal wa al-Nihal, al-Shahrastani (w.548H)
11. Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa’ wa al-Nihal, Ibn Hazm al-Zahiri (w.548H)
12. I’tiqadat Firaq al-Muslimin wa al-Mushrikin, Muhammad bin Umar al-Razi (w.606H)
13. Ghayat al-Maram fi ‘Ilm al-Kalam, Ali bin Abi Ali al-Amidi (w.631H)
14. Minhaj al-Sunnah al-Nawabiyyah, Ibn Taimiyyah(w.728H)
15. Al-Muntaqa min Minhaj al-I’tidal fi Naqd Kalam Ahl al-Rafdh wa al-I’tizal, Abu Abdillah al-Zahabi(w.748H)
16. Kitab al-Mawaqif, ‘Adhud al-Din al-Iji (w.756H)
17. Sharh al-Maqasid fi ‘Ilm al-Kalam, Sa’d al-Din al-Taftazani (w.791H)

18. Izalat al-Khafa', Shah Waliyyullah al-Dihlawi (w.1114H)
19. Al-Tuhfat al-Ithna 'Ashariyyah, Shah Abdul Aziz al-Dihlawi (w.1159H)
20. Mukhtasar Izhar al-Haq, Rahmatullah bin Khalilur Rahman al-Hindi (w1306H)
21. Al-Suyuf al-Mushriqah wa Mukhtasar al-Sawa'iq al-Muhriqah,Nasrullah al-Hindi (1337H)

Apakah pendirian para ulama Indonesia terhadap Syiah?

Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (MUI) Pusat, KH Cholil Ridwan telah mengisyiharkan bahawa Syiah adalah salah satu daripada kelompok sesat yang bersandar kepada nama Islam. Ini dikatakan ketika menyampaikan alu-aluan pada acara perasmian Musyawarah Nasional III Front Pembela Islam di asrama Haji Bekasi pada 22 Ogos 2013. (<http://www.arrahmah.com/news/2013/08/23/dihadapan-ribuan-peserta-munas-iii-fpi-ketua-mui-pusat-syiah-sesat.html#sthash.mvtL4F1z.dpuf>

Dalam akhbar Harian Nasional Republika, pada Khamis 8 November 2012, Ketua Komisi Fatwa MUI Dr. (HC) KH Ma'ruf Amin, mengeluarkan tulisan mendukung fatwa kesesatan Syiah (Imamiyah Ithna 'Asyariyah) sebagaimana yang telah difatwakan oleh MUI Provinsi Jawa Timur. Beliau mengatakan, MUI menyedari bahawa menyimpang atau tidaknya ajaran

sesebuah aliran keagamaan harus dilakukan dengan hati-hati. Selain berpandukan kepada dalil-dalil keagamaan (nusus syar'iyyah), juga perlu didahului dengan penelitian yang mendalam berkait fakta di lapangan. MUI dalam Rapat Kerja Nasional 2007 menetapkan 10 kriteria sesebuah aliran keagamaan yang dianggap menyimpang. Daripada 10 kriteria itu, apabila salah satunya dilanggar (apatah lagi jika wujud beberapa yang lainnya) maka sesuatu aliran itu boleh dianggap menyimpang atau sesat. (<http://sidrap.wahdah.or.id/nasional/akhirnya-ketua-mui-pusat-kh-maruf-amin-keluarkan-tulisan-dukung-fatwa-sesat-syiah.html>)

Apakah pendirian kerajaan Malaysia terhadap Syiah?

Kerajaan telah menyatakan pendirian tegas bahawa hanya aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah menjadi pegangan umat Islam di Malaysia. Mana-mana ajaran yang bercanggah dengan fahaman dan amalan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah dilarang dan disekat penyebarannya di kalangan umat Islam.

Sehubungan itu, kerajaan menerusi Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 di Langkawi bersetuju beberapa perkara antaranya ialah :

- a) Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.

- b) Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut:
- c) “Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak”.
- d) Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.

Sehingga kini kesemua negeri di Malaysia telah memfatwakan pengharaman Syiah. Daripada kesemua negeri tersebut hanya Kelantan, Sabah dan Sarawak yang belum mewartakannya atau dalam proses pewartaan, manakala sebelas yang lain telah berbuat demikian. Sebelas negeri tersebut adalah:

- a) Wilayah Persekutuan (8 Mac 1997, PU(B)106);
- b) Selangor (24 September 1998, PU10);
- c) Negeri Sembilan (12 Mac 1998, NS.PU5);

- d) Terengganu (25 September 1997, PUN Tr.1110);
- e) Melaka (27 Julai 1997, M.PU5);
- f) Pulau Pinang (6 Januari 1997, Pg.PU1);
- g) Kedah (18 Februari 1999, No. 37);
- h) Perak (4 Januari 2012);
- i) Johor (16 Februari 2012, No. 1156);
- j) Perlis (7 Ogos 2012, No. 109); dan
- k) Pahang (12 September 2013, No. 1564)

Apakah peruntukan undang-undang yang boleh diambil ke atas Syiah berdasarkan kuasa negeri?

Tindakan ke atas Syiah boleh diambil mengikut Akta/Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Sebagai contoh, berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, ajaran Syiah boleh didakwa di bawah Seksyen 13 iaitu pendapat yang bertentangan dengan fatwa. Di bawah seksyen ini mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang apa-apa isu, ajaran Islam atau Hukum Syara' yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Apakah peruntukan undang-undang yang boleh diambil ke atas Syiah berdasarkan kuasa kerajaan pusat?

Kementerian Dalam Negeri telah mengisyiharkan bahawa Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai sebuah pertubuhan menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5 (1), Akta Pertubuhan 1966 pada 24 Julai 2013 melalui Pewartaan P.U. (A) 238/2013.

Pertubuhan Syiah Malaysia merupakan sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar yang telah menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan majoriti umat Islam di Malaysia yang berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan ini mencetuskan suasana keresahan dan kebimbangan di kalangan umat Islam di negara ini.

Pengharaman Pertubuhan Syiah Malaysia di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 ini membawa implikasi perundungan seperti berikut:

- a) Tiada seorang pun boleh menggunakan semula nama Pertubuhan Syiah Malaysia untuk didaftarkan sebagai pertubuhan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 7(3)(b) Akta Pertubuhan 1966.

- b) Segala akaun, aset dan harta Pertubuhan Syiah Malaysia akan diserah dan digulungkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.
- c) Tiada seseorang pun boleh memegang jawatan, menjalankan kerja sebagai seorang anggota, membenarkan sesuatu mesyuarat dalam bangunan, menghasut, mendorong, mendapatkan yuran atau bantuan, menyiar dan bertindak bagi pihak atau wakil Pertubuhan Syiah Malaysia. Mereka yang bertanggungjawab menjalankan apa-apa aktiviti Pertubuhan Syiah Malaysia akan disiasat dan didakwa di Mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Sebagai contoh, Seksyen 6(2) dan 6(3) [1], Seksyen 42[2] dan Seksyen 48[3] Akta Pertubuhan 1966 serta Seksyen 142 Kanun Keseksaan[4].

Benarkah kenyataan bahawa Syiah boleh diamal tetapi tidak boleh disebarluaskan di Malaysia seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak?

Tidak benar sama sekali. Telah termaktub dalam Penyata Dewan Rakyat Parlimen Kedua Belas Penggal Keempat Mesyuarat Pertama bertarikh 24 Mac 2011 kenyataan khas berkenaan Syiah oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom ketika penggulungan perbahasan seperti berikut:

“Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 1996 antara lain bersetuju :

- i. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.
- ii. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.

Menurut warta pengharaman Syiah, Seksyen 34 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah – Wilayah Persekutuan) 1993 : Menetapkan bahawa semua umat Islam warganegara ini (Malaysia) adalah tertakluk kepada undang-undang Islam dan Hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja.

Manakala menurut Seksyen 31(1) dan Seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam Negeri Selangor 1989 berkenaan warta pengharaman Syiah : mana-mana orang Islam adalah dilarang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman tersebut (Syiah) kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli

Sunnah Wal Jamaah. Larangan ini meliputi ; untuk mengajar, mengamalkan berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syiah kecuali untuk amalan individu itu sendiri.”

Berdasarkan kenyataan ini, disimpulkan bahawa :

- a) Seluruh umat Islam warganegara Malaysia hendaklah berpegang hanya kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.
- b) Warganegara asing dibenarkan untuk mengamalkan Syiah selagimana ia diamalkan secara amalan individu itu sendiri.

Kesimpulannya, **UMAT ISLAM WARGANEGARA MALAYSIA DIHARAMKAN** untuk **BERAMAL** dan **MENYEBARKAN** ajaran **SYIAH**, manakala warganegara lain dibenarkan untuk amalan individu tetapi tidak boleh menyebarkannya kepada orang lain.

Apa yang perlu dilakukan jika mempunyai maklumat tentang penganut Syiah?

Jika seseorang mempunyai sebarang maklumat tentang Syiah, ia perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa agama terdekat untuk tindakan selanjutnya; atau dengan menghubungi:

Seksyen Aqidah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Aras 6, Blok D7, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62519 Putrajaya

No. Tel: 03-88864000

No. Faks: 03-88891993

Emel: projakim@islam.gov.my

BIBLIOGRAFI

Abu Zahrah, Muhammad (t.t), *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*, Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi.

Ash'ari, Abu al-Hasan al-(t.t), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

'Awaji, Ghalib bin 'Ali (2001), *Firaq Mu'asirat Tantasib Ila al-Islam wa Bayan Mawqif al-Islam minha*, Jeddah : al-Maktabah al-'Asriyyah al-Dhahabiyyah.

Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn (1994), *al-Sunan al-Kubra*, Makkah: Maktabah Dar al-Baz.

Buti, Muhammad Sa'id Ramadan al-(2008), *al-Madhabib al-Tawhidiyah wa al-Falsafah al-Mu'asirah*, Damshiq : Dar al-Fikr.

Daynuri, Abu Hanifah Ahmad bin Dawud al-(2001), *al-Akhbar al-Tiwal*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Dihlawi, Shah Abdul Aziz (1373), *Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna 'Ashariyyah*, Kaherah: Matba'ah Salafiyyah.

Dihlawi, Shah Abdul Aziz, *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*, Kuala Lumpur: DBP.

Hasan Ibrahim Hasan (1964), *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'i*, j. 1, Kaherah: T.P.

Hindi, Nasir al-Din (2008), *al-Suyuf al-Mushriqah wa Mukhtasar al-Sawa'iq al-Muhriqah*, Kaherah: Maktabah al-Imam al-Bukhari.

Ibn ‘Abd Rabbih, Ahmad bin Muhammad (1999), *al-‘Iqd al-Farid*, j. 3, c.3. Beirut : Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Ibn ‘Abidin (2000), *Hashiyah al-Radd al-Mukhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn al-‘Arabi, Abu Bakr Muhammad (1407H), *al-‘Awasim min al-Qawasim fi Tahqiq Mawaqif al-Sahabah ba’d Wafat al-Nabi*, j. 1, c. 2. Beirut : Dar al-Jil.

Ibn al-Humam, Kamal al-Din (t.t), *Sharh Fath al-Qadir*, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj ‘Abd al-Rahman bin Ali (1358H), *al-Muntazam fi Tarikh al-Muluk wa al-Umam*, j. 5. Beirut : Dar Sadir.

Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, Beirut : Dar Sadir li al-Tiba`ah wa al-Nasyr.

Ibrahim Mustafa, et.al (t.t), *al-Mu`jam al-Wasit*, Turki : al-Maktabah al-Islamiyyah.

Ibrahim Sha‘wat & Mahmud Ziyadah (1984), *al-Hiqbah al-Mithaliyyah*, Kaherah : Matba‘ah al-Jami‘ah al-Azhariyyah.

Ihsan Ilahi Zahir (1984), *al-Shiah wa al-Tashayyu‘*, Lahur : Dar Tarjuman al-Sunah.

Isfirayini, Tahir bin Muhammad al-(1983), *al-Tabsir fi al-Din wa Tamyiz al-Firqah al-Najiyah ‘an al-Firaq al-Halikin*, Beirut : ‘Alam al-Kutub.

Iyadh, al-Qadhi (t.t), *Kitab al-Shifa*, T.T.P: T.P.

Jama'ah min al-ulama' (2011), *Fatawa Kibar 'Ulama al-Azhar al-Sharif fi al-Shi'ah*, Kaherah: Dar al-Yusr.

Mohd Samsuddin Harun, et al.(2011), "Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal" (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, UKM IV).

Muhammad Fathi 'Uthman (1969), *al-Tarikh al-Islami wa al-Madhab al-Maddi*, Kuwait: T.P.

Qaradawi, Yusuf al-(2009), *Fatawa Mu'asirah*, Kaherah: Dar al-Qalam.

Rafiq al-'Azm (1968), *Ashhar Mashahir al-Islam fi al-Hurub wa al-Siyasah*, Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi.

Sam'ani, 'Abd al-Karim bin Muhammad al-(1998), *al-Ansab*, Beirut : Dar al-Fikr.

Sawwaj, Taha 'Ali al-(2010), *Mauqif al-Azhar al-Sharif min al-Shi'ah al-Ithna 'Ashariyyah*, Kaherah: Dar al-Yusr.

Shaybani, Abu al-Hasan bin Ali al-Karam al-(1415H), *al-Kamil fi al-Tarikh*, j. 3, c.2.Beruit : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Subki, Taqiy al-Din al-(t.t), *Fatawa al-Subki*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Syaltut, Mahmud (2001), *al-Fatawa*, Kaherah: Dar al-Syuruq.

Shibr, Abdullah (1997), *Haqq al-Yaqin fi Ma'rifah Usul al-Din*, Beirut: Mu'assasah al-A'lami.

Tabari, Abu Ja‘far Muhammad bin Jarir al-(1969), *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, j. 4. Kaherah : Dar al-Ma‘arif.

Zahabi, Muhammad bin Ahmad al-(1413H), *Siyar A‘lam al-Nubala’*, c.9, Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Zahabi, Syams al-Din al-(1995), *Mizan al-I‘tidal fi Naqd al-Rijal* , Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

RUJUKAN SYIAH

‘Amili, Ja’far Murtadha al-(2006), *al-Sahih Min Sirah al-Nabi al-A’zam*, Beirut: al-Markaz al-Islami Li al-Dirasat.

Amin, Sayyid Muhsin al-(1998), *A’yan al-Shi’ah*, Beirut: Dar al-Ta’aruf.

Bahrani, Sayid Hasyim bin Sulaiman al-(1411h), *Hilyah al-Abrar fi Ahwal Muhammad wa Alihi al-Athar*, Qom : Mu’assasah al-Ma’arif al-Islamiyyah.

Bahrani, Yusuf al-(1985), *al-Hada’iq al-Nadhirah*, Beirut: Dar al-Adhwa’.

Hurr ‘Amili, Muhammad bin Hasan (1409h), *Wasa’il al-Shi’ah*, Qom: Mu’assasah Al al-Bayt.

Irbili, ‘Ali bin ‘Isa al-(1381), *Kashf al-Ghummah*, Tabriz : Bani Hasyimi.

Irbili, ‘Ali bin ‘Isa al-(1985), *Kashf al-Ghummah*, cet.2. Beirut : Dar al-Adhwa’.

Jaza’iri, Ni’matullah, al-(1984), *al-Anwar al-Nu’maniyyah*, Beirut: Mu’assasah al-A’lami.

Kasyani, al-Faidh al-(1407), *Minhaj al-Najah*, Beirut: al-Dar al-Islamiyyah.

Kasyani, Muhammad Muhsin bin Syah al-(1406h), *al-Wafi*, Asfahan : Kitab Khanah Imam Amir al-Mu’minin.

Khomeini, Mustafa Ahmad al-(1389), *al-Hukumah al-Islamiyyah*,
c.3.T.T.P : T.P.

Kulaini, Muhammad bin Ya'qub al-(1407h), *al-Kafī*, Tehran : Dar
al-Kutub al-Islamiyyah.

Majlisi, Muhammad Baqir al-(1403), *Bihar al-Anwar*, Beirut: Dar
Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Mufid, Muhammad bin Muhammad al-(1413h), *Kitab al-Mazar-*
Manasik al-Mazar, Qom: Mu'tamar Alfiyah al-Shaykh al-Mufid.

Mufid, Muhammad bin Muhammad al-(1993), *al-Irshad*, cet.
2.Beruit : Dar al-Mufid.

Mufid, Muhammad bin Nu'man al-(1413h), *al-Masa'il al-*
Sarawiyyah, Qom: al-Mu'tamar al-'Alami li Alfiyah al-Shaykh
al-Mufid.

Nawbakhti, al-Hasan bin Musa al-(1984), *Firaq al-Shi'ah*, Beirut:
Dar al-Adwa'.

Tabarsi, Abu Mansur al-(1403h), *al-Ihtijaj 'ala Ahl al-Lajjaj*, Beirut:
Mu'assasah al-A'lami.

Tusi, Muhammad bin al-Hasan al-(1407h), *Tahzib al-Ahkam*, j.6.
Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

Ya'qubi, Ahmad bin Abi Ya'qub al-(t.t), *Tarikh al-Ya'qubi*, j.
2.Beruit : Dar Sadir.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519, Putrajaya
Tel : 03-8886 4000
Faks : 03-8889 2039
www.islam.gov.my

ISBN 978-983-042-529-0

9 789830 425290

PERCUMA